

PERJANJIAN LESEN PENYELESAIAN BLACKBERRY

SILA BACA DOKUMEN INI DENGAN TELITI SEBELUM MEMASANG ATAU MENGGUNAKAN PERISIAN

Perjanjian Lesen Penyelesaian BlackBerry ("Perjanjian"), di mana versi sebelumnya dirujuk sebagai Perjanjian Lesen Perisian BlackBerry, ialah suatu perjanjian di sisi undang-undang antara anda, secara individu jika anda menyetujuinya dengan keupayaan anda sendiri, atau jika anda diberi kuasa untuk memperoleh Perisian itu bagi pihak syarikat anda atau entiti lain, antara pihak entiti yang anda bertindak bagi faedahnya (dalam kedua-dua keadaan, "Anda") dengan Research In Motion Singapore Pte. Limited, ("RIM") di mana pejabat berdaftarnya berada di 1 International Business Park, The Synergy Building, 2nd Floor, Singapore 609917 (secara bersama "Pihak-Pihak" dan secara individu "Pihak"). Berkenaan dengan lesen dan pengedaran Perisian (seperti ditakrifkan di bawah) RIM adalah samada secara langsung atau tidak langsung pemegang lesen kepada: (a) Research In Motion Limited ("RIM Canada") atau mana-mana satu atau lebih daripada anak-anak syarikat dan pergabungan (di mana anak-anak syarikat dan pergabungan bersama-sama dengan RIM Canada dirujuk dalam Perjanjian ini sebagai "Kumpulan Syarikat RIM"); atau (b) pemberi lesen pihak ketiga kepada mana-mana syarikat daripada Kumpulan Syarikat RIM termasuk RIM.

DENGAN MENUNJUKKAN PENERIMAAN ANDA DENGAN MENKLIK BUTANG YANG SESUAI DI BAWAH, ATAU DENGAN MEMUATTURUN, MEMASANG, MENAKTIFKAN ATAU MENGGUNAKAN PERISIAN ITU, ANDA BERSETUJU UNTUK TERIKAT DENGAN TERMA PERJANJIAN INI. JIKA ANDA MEMPUNYAI APA-APA PERTANYAAN ATAU KERAGUAN TENTANG TERMA PERJANJIAN INI, SILA HUBUNGI RIM DI LEGALINFO@RIM.COM.

DENGAN MENUNJUKKAN PENERIMAAN ANDA KEPADA TERMA PERJANJIAN INI SEPERTI DINYATAKAN DI ATAS, ANDA JUGA BERSETUJU YANG PERJANJIAN INI MENGAMBIL TEMPAT DAN MENGGANTIKAN LESEN PENGGUNA AKHIR BLACKBERRY/PERISIAN DAN PERJANJIAN LESEN PERISIAN PELAYAN PERUSAHAAN BLACKBERRY YANG WUJUD SEBELUMNYA DAN MANA-MANA PERJANJIAN LESEN PERISIAN BLACKBERRY YANG WUJUD SEBELUMNYA, SETAKAT SEKIRANYA PERJANJIAN TERSEBUT DAPAT DIGUNAKAN, BERMULA DARI TARIKH PENERIMAAN ANDA TERHADAP PERJANJIAN INI, KEPADA SEBARANG PERISIAN YANG MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA PEYELESAIAN BLACKBERRY ANDA (UNTUK KETERANGAN LEBIH LANJUT, SILA RUJUK SEKSYEN BERTAJUK "PERCANTUMAN PERJANJIAN" (SEKSYEN 27) DI BAWAH).

Kembali.

JIKA, SEBELUM MEMUATTURUN, MEMASANG, MENAKTIFKAN ATAU MENGGUNAKAN PERISIAN INI, ANDA MEMUTUSKAN BAHAWA ANDA ENGGAN BERSETUJU DENGAN TERMA PERJANJIAN INI, ANDA TIDAK BERHAK UNTUK MENGGUNAKAN PERISIAN INI DAN ANDA HENDAKLAH: (A) DENGAN SEGERA MEMULANGKAN PERISIAN KEPADA RIM, MENG HAPUSKANNYA, ATAU MELUMPUHKANNYA; (B) JIKA ANDA TELAH MEMBELI PRODUK RIM DI MANA PERISIAN DIPRA-PASANG OLEH ATAU BAGI PIHAK RIM, DENGAN SEGERA KEMBALIKANKAN PRODUK RIM DAN PERISIAN DAN BARANGAN BERSAMPINGAN (TERMASUK DOKUMENTASI DAN BUNGKUSAN) KEPADA RIM ATAU PENGEDAR RASMI RIM DARI MANA ANDA MEMPEROLEHI PRODUK RIM DAN PERISIAN DAN BARANGAN BERSAMPINGAN; ATAU (C) JIKA ANDA TELAH MEMBELI PRODUK PEGANG TANGAN DARI PIHAK KETIGA DI MANA PERISIAN DIPRA-PASANG OLEH ATAU BAGI PIHAK RIM, DENGAN SEGERA MENGATUR DENGAN RIM ATAU PENGEDAR RASMI RIM DARI MANA ANDA MEMPEROLEHI PRODUK PEGANG TANGAN DAN PERISIAN DAN BARANGAN BERSAMPINGAN PIHAK KETIGA UNTUK MELUMPUHKAN PERISIAN. Jika, berdasarkan keadaan yang dinyatakan di atas, Anda telah membuat bayaran bagi Perisian, dan/atau untuk Produk RIM di mana Anda memperoleh bersama-sama dengan Perisian dan tidak dapat menggunakannya dengan sepenuhnya tanpa Perisian, (yang berkenaan), dan Anda membekalkan RIM atau pengedar rasmi di mana Anda memperoleh Perisian untuk Produk RIM dengan bukti pembelian Anda dalam masa sembilan

puluh (90) hari dari tarikh Anda memperolehi Perisian, RIM atau pengedar rasmi hendaklah memulangkan pembayaran (jika ada) kepada Anda jika Anda telah membayar barangan ini. Untuk mendapatkan bayaran balik bagi Perisian Produk Pegang Tangan Pihak Ketiga (nota: Perisian telah disediakan tanpa caj untuk sesetengah Produk Pegang Tangan Pihak Ketiga maka dengan itu tidak ada bayaran balik) sila hubungi pengedar rasmi Anda untuk Perisian Produk Pegang Tangan Pihak Ketiga. Jika, berdasarkan keadaan yang dinyatakan di atas, Anda gagal mendapat bayaran balik bagi Perisian daripada pengedar rasmi sila hubungi RIM di legalinfo@rim.com.

PERJANJIAN INI TIDAK MENJEJASKAN HAK BERKANUN MANDATORI ANDA YANG DITETAPKAN OLEH BIDANG KUASA ANDA, SETAKAT YANG ANDA MUNGKIN BERHAK KE ATAS HAK BERKANUN MANDATORI TERSEBUT.

1. Takrif. (Kecuali sekiranya konteks memerlukan, terma di dalam Perjanjian ini ditakrifkan dengan maksud seperti yang dinyatakan di bawah (dan di mana konteks bentuk mufrad hendaklah termasuk bentuk jamak dan sebaliknya).

"Perkhidmatan Masa Berbual" ertinya perkhidmatan rangkaian wayarles kawasan luas, perkhidmatan rangkaian lain (termasuk perkhidmatan rangkaian wayarles setempat, satelit dan Internet) dan sebarang perkhidmatan lain yang disediakan oleh Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual untuk kegunaan berhubungan dengan Penyelesaian BlackBerry Anda.

"Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual" ertinya entiti yang membekalkan perkhidmatan rangkaian wayarles kawasan luas, dan yang mungkin menyediakan Perkhidmatan Masa Berbual lain yang menyokong atau mempertingkatkan Penyelesaian BlackBerry Anda.

"Pengguna Yang Dibenarkan" ertinya mana-mana pihak di bawah yang mana Anda memberi kebenaran untuk menggunakan Perisian sebagai sebahagian daripada Penyelesaian BlackBerry Anda: (a) mana-mana pekerja, perunding atau kontraktor bebas Anda; (b) mana-mana kawan atau ahli keluarga, atau dan mana-mana orang yang menetap dalam premis Anda; dan (c) mana-mana orang yang diberi kuasa oleh RIM secara bertulis. Perjanjian ini tidak membawa kepada hak automatik untuk Perisian Pelayan BlackBerry Anda dihos oleh pihak ketiga, jika Anda berhasrat berbuat demikian, sila hubungi RIM di: legalinfo@rim.com.

"Produk Pegang Tangan BlackBerry" yang juga dikenali sebagai "Peranti BlackBerry", ertinya suatu peranti pegang tangan wayarles yang dibuat oleh atau bagi pihak RIM, termasuk mana-mana telefon pintar, pembaca kad pintar, atau Penyampai BlackBerry (BlackBerry Presenter) dan mana-mana peranti lain yang jelas dikenalpasti oleh RIM di http://www.blackberry.com/legal/blackberrydevices_for_bbsla sebagai Produk Pegang Tangan BlackBerry.

"Perisian Pegang Tangan BlackBerry" ertinya perisian hak milik RIM (hak milik RIM termasuk: perisian, perisian tegar, antara muka, kandungan dan data lain, samada secara teknikal diambil kira sebagai kod perisian atau tidak; dan Komponen Pihak Ketiga) atau mana-mana bahagiannya, direka untuk kegunaan Produk Pegang Tangan yang: (a) dimuatkan pada Produk Pegang Tangan asal yang dikeluarkan oleh RIM; atau (b) dihantar, diedarkan atau kalau tidak disediakan untuk Anda oleh atau bagi pihak RIM dari semasa ke semasa untuk kegunaan Produk Pegang Tangan Anda. Contoh Perisian Pegang Tangan BlackBerry termasuk perisian sistem operasi hak milik RIM dan pra-pasang aplikasi dalam Produk Pegang Tangan BlackBerry hak milik RIM, atau yang terkandung dalam produk "Suit Aplikasi BlackBerry" yang dihantar, diedarkan atau kalau tidak disediakan oleh atau bagi pihak RIM dari semasa ke semasa untuk kegunaan Produk Pegang Tangan Pihak Ketiga.

"Perisian PC BlackBerry" ertinya perisian hak milik RIM (termasuk perisian hak milik RIM, antara muka, kandungan dan data lain, samada secara teknikal diambil kira sebagai kod perisian atau tidak; dan Komponen Pihak Ketiga), atau mana-mana bahagiannya, direka untuk digunakan sebagai sebahagian daripada Penyelesaian BlackBerry dan untuk dipakai dan akses computer

peribadi pada bila-bila satu masa oleh seorang pengguna akhir sahaja. Contoh Perisian PC BlackBerry adalah "Perisian Meja BlackBerry", yang mana ia boleh digunakan untuk membekal dan mengekalkan penyelarasan di antara Produk Pegang Tangan Anda dan komputer peribadi Anda dan menyediakan kefungsiian pengurusan meja lain.

"Perkhidmatan Prosumer BlackBerry" adalah perkhidmatan yang direka dan ditawarkan oleh RIM untuk membekalkan pelanggan RIM dengan kefungsiian tertentu perisian pelayan hak milik BlackBerry yang disediakan oleh RIM tanpa perlunya pelanggan RIM memperolehi perisian pelayan tersebut. Perkhidmatan Prosumer BlackBerry termasuk "Perkhidmatan Internet BlackBerry" yang disediakan oleh RIM. Perkhidmatan Internet BlackBerry membolehkan pengguna: (a) menyatukan ISP yang tertentu atau akaun e-mel pihak ketiga lain berdasarkan penghantaran tolak kepada Produk Pegang Tangan Anda; (b) mewujudkan alamat e-mel berdasarkan peranti untuk Produk Pegang Tangan Anda; (c) Akses kepada kandungan dan perkhidmatan Internet tertentu. Kefungsiian e-mel Perkhidmatan Internet BlackBerry yang juga dikenali sebagai "MyEmail", "Mel Internet BlackBerry" dan/atau nama produk khas Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual Anda. Semua atau sebahagian dari pada Perkhidmatan Prosumer BlackBerry mungkin tidak disokong oleh Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual Anda. Sila rujuk kepada kebolehsediaan Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual Anda.

"Perisian Pelayan BlackBerry" ertinya perisian pelayan hak milik RIM (hak milik RIM termasuk: perisian, antara muka, kandungan dan data, yang secara teknikal mungkin atau mungkin tidak diambil kira sebagai kod perisian, termasuk tanpa batasan pengenalan pasti protokol penghalaan pelayan (SRP ID), kunci pengesahan SRP dan mana-mana pengenalan pasti lain yang telah disediakan oleh RIM untuk digunakan dengan salinan khusus perisian pelayan; dan Komponen Pihak Ketiga), atau sebahagian daripadanya, salinan tunggal yang mana direka untuk dipasang pada komputer dan diakses oleh berbilang Produk Pegang Tangan pada bila-bila satu masa. Contoh Perisian Pelayan BlackBerry termasuk produk "Pelayan Perusahaan BlackBerry", yang mana direka untuk dicantumkan dengan dan menyediakan rangkaian di antara sesetengah pelayan aplikasi korporat (seperti pelayan e-mel) dan menyediakan Produk Pegang Tangan untuk dikendalikan dengan perisian "Pelayan Perusahaan BlackBerry", dan perisian "Suara Telefon Bimbit BlackBerry", yang mana direka untuk menyediakan ciri-ciri telefon pejabat pada Produk Pegang Tangan.

"Penyelesaian BlackBerry" ertinya Perisian, dan mestilah termasuk satu atau lebih daripada yang berikut untuk digunakan bersama-sama dengan Perisian,: Produk RIM, Perisian Pelayan BlackBerry, Perisian Pegang Tangan BlackBerry, Perisian dan/atau Perkhidmatan PC BlackBerry; bersama-sama dengan Dokumentasi yang berkaitan.

"Dokumentasi" ertinya panduan pemasangan yang dapat digunakan atau dokumentasi pengguna akhir standard yang disediakan dan dibekalkan oleh RIM untuk jenis dan versi Perisian khusus, Produk atau Perkhidmatan RIM, termasuk mana-mana arahan keselamatan. Dokumentasi juga boleh didapati di <http://docs.blackberry.com> atau dengan menghubungi RIM di legalinfo@rim.com. Yang pasti, Dokumentasi tidak termasuk sebarang panduan pemasangan atau dokumentasi pengguna akhir yang telah disediakan oleh sesiapaupun selain daripada RIM atau sebarang pengubahsuaian yang dibuat pada dokumentasi oleh sesiapaupun selain daripada RIM.

"Produk Pegang Tangan" ertinya: (a) suatu Produk Pegang Tangan BlackBerry; atau (b) suatu Produk Pegang Tangan Pihak Ketiga.

"Persisian RIM" ertinya jenama RIM: aksesori atau barang lain termasuk, tanpa batasan, kad microSD atau memori yang boleh dipertingkatkan lain dan fon kepala yang direka untuk digunakan bersama-sama dengan Produk RIM.

"Produk RIM" ertinya mana-mana Produk Pegang Tangan Blackberry dan mana-mana Persisian RIM yang eksklusif bagi mana-mana Perisian..

"Perisian" ertinya mana-mana Perisian Pegang Tangan BlackBerry, Perisian PC BlackBerry atau Perisian Pelayan BlackBerry yang disediakan kepada Anda di dalam Perjanjian ini, dalam apa-apa bentuk, medium atau cara disediakan atau kemudiannya dipasang atau digunakan. Jika Perisian Pelayan BlackBerry mempunyai kebolehan untuk memperuntukkan (i.e. mengaktifkan) Perisian Pegang Tangan BlackBerry, maka dengan itu, terma "Perisian" termasuk mana-mana dan kesemua Perisian Pegang Tangan BlackBerry (termasuk mana-mana dan semua kemaskini atau peningkatannya di mana terma dan syarat lain tidak disediakan) yang telah diperuntukkan untuk menggunakan Perisian. Terma "Perisian" tidak termasuk mana-mana Perisian Pihak Ketiga atau Kandungan Pihak Ketiga, tidak kira Perisian Pihak Ketiga atau Kandungan Pihak Ketiga diedarkan oleh RIM atau tidak, atau Perisian Pihak Ketiga atau Kandungan Pihak Ketiga yang disertakan, adalah disediakan dengan, atau beroperasi dalam gabungan dengan, Perisian dan/atau mana-mana bahagian daripada Penyelesaian BlackBerry Anda atau Produk Pegang Tangan Pihak Ketiga.

"Perkhidmatan" ertinya apa-apa perkhidmatan RIM yang diberikan kepada Anda oleh atau sebagai wakil RIM sebagai sebahagian daripada Penyelesaian BlackBerry Anda (termasuk tanpa batasan, mana-mana perkhidmatan RIM, seperti Perkhidmatan Prosumer BlackBerry, yang Anda langgan, dan apa-apa perkhidmatan RIM yang baru atau pengubahsuaian kepada perkhidmatan RIM yang ada sekarang yang diberikannya, atau selainnya tersedia untuk Anda dari semasa ke semasa).

"Komponen Pihak Ketiga" ertinya perisian dan antara muka yang dilesenkan oleh RIM daripada pihak ketiga untuk dimasukkan ke dalam suatu produk perisian RIM, atau untuk dimasukan ke dalam perisian tegar dalam kes produk perisian RIM, dan diedarkan sebagai bahagian penting produk perisian RIM di bawah suatu jenama RIM, tetapi tidak termasuk Perisian Pihak Ketiga.

"Kandungan Pihak Ketiga" ertinya kandungan hak milik pihak ketiga, termasuk tanpa batasan, fail pihak ketiga, pangkalan data dan laman web.

"Produk Pegang Tangan Pihak Ketiga" ertinya sebarang telefon pintar pegang tangan wayarles, selain daripada Produk Pegang Tangan BlackBerry, di mana Perisian Pegang Tangan BlackBerry atau mana-mana bahagiannya, yang direka oleh RIM untuk beroperasi, dan yang berkaitan dengan perjanjian antara RIM dan Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual yang membenarkan peranti wayarles pihak ketiga mengakses infrastruktur RIM.

"Barang Pihak Ketiga" ertinya Perkakasan Pihak Ketiga, Perisian Pihak Ketiga, Kandungan Pihak Ketiga dan Produk Pihak Ketiga.

"Perkakasan Pihak Ketiga" ertinya Produk Pegang Tangan, komputer, peralatan, persisian dan apa-apa produk perkakasan lain yang bukan Produk RIM.

"Produk Pihak Ketiga" ertinya Perkakasan Pihak Ketiga dan Perisian Pihak Ketiga dan apa-apa produk komersial lain yang bukan Produk RIM.

"Perkhidmatan Pihak Ketiga" ertinya perkhidmatan yang disediakan oleh pihak ketiga termasuk Perkhidmatan Masa Berbual dan apa-apa laman web yang tidak dioperasikan oleh RIM.

"Perisian Pihak Ketiga" ertinya hak milik aplikasi perisian sendiri kepada pihak ketiga yang telah disediakan atau dalam hal lain yang diperbuat dengan, dalam atau melalui Produk atau Perisian RIM. Contoh Perisian Pihak Ketiga adalah "Documents To Go" milik Data Viz, yang disediakan dalam beberapa Produk Pegang Tangan BlackBerry, dan "Roxio Media Manager" milik Sonic Solutions, jika ianya disediakan dalam gabungan bersama Perisian Meja BlackBerry.

"Penyelesaian BlackBerry Anda" ertinya Perisian, dan sekurang-kurangnya salah satunya barang tambahan yang mana Anda perolehi, memasang, memperuntukkan, atau selainnya memberi kebenaran dan menerima tanggungjawab untuk menggunakan, dalam gabungan bersama Perisian, seperti yang boleh digunakan mengikut keadaan Anda: Produk RIM, Perisian Pelayan BlackBerry,

Perisian Pegang Tangan BlackBerry, Perisian dan/atau Perkhidmatan PC BlackBerry; bersama dengan Dokumentasi yang berkaitan.

2. Lesen Perisian dan Dokumentasi. Perisian adalah berlesen dan tidak dijual dalam Perjanjian ini. Lesen Anda untuk menggunakan Perisian adalah bersyarat iaitu berdasarkan pembayaran kepada bayaran lesen, jika ada. Tertakluk kepada terma dan syarat di dalam ini, Perjanjian ini dengan ini memberi Anda suatu Lesen persendirian, yang boleh batal, tidak eksklusif, tidak boleh dipindah milik yang memberi kebenaran kepada Anda dan Pengguna Anda Yang Dibenarkan, secara kolektif:
- (a) jika Perisian adalah Perisian Pelayan BlackBerry:
 - (i) untuk memasang dan menggunakan sehingga jumlah salinan (termasuk salinan maya) Perisian bersamaan dengan bayaran yang dibayar untuk Perisian kepada RIM atau pengedar rasmi RIM (dan jika tiada bayaran untuk Perisian yang harus dibayar kepada RIM atau pengedar rasmi RIM, maka pemasangan dan penggunaan sehingga jumlah salinan lainnya dibenarkan secara bertulis oleh RIM atau pengedar rasminya); dan
 - (ii) untuk membolehkan sehingga jumlah daripada Produk Pegang Tangan yang bersamaan dengan bayaran yang dibayar kepada RIM atau pengedar rasmi RIM untuk mengakses Perisian, (dan jika tiada bayaran yang harus dibayar kepada RIM atau pengedar rasmi RIM untuk membolehkan Produk Pegang Tangan mengakses Perisian, maka untuk membolehkan sehingga jumlah daripada Produk Pegang Tangan lainnya dibenarkan secara bertulis oleh RIM atau pengedar rasminya) (sebagai contoh, jika Anda menjalankan perisian "Pelayan Perusahaan BlackBerry), Anda hendaklah mendapatkan lesen kebenaran pelanggan ("LKP") bagi jumlah Produk Pegang Tangan yang digunakan bersama dengan jenis Perisian Pelayan BlackBerry atau lainnya mendapatkan kebenaran daripada RIM untuk memperuntukkan jumlah Pengguna Yang Dibenarkan untuk mengakses Perisian tersebut); dan
 - (b) Jika Perisian tersebut adalah Perisian Pegang Tangan BlackBerry atau Perisian PC BlackBerry dan:
 - (i) Jika Perisian telah dipra-pasang dalam perkakasan, maka menggunakan salinan tunggal daripada Perisian yang telah dipasang dalam perkakasan; atau
 - (ii) Jika Perisian tidak dipra-pasang dalam perkakasan, maka untuk memasang dan menggunakan Perisian berdasarkan jumlah unit perkakasan yang dapat digunakan sejajar dengan bayaran untuk Perisian yang sudah dibayar kepada RIM atau pengedar rasmi RIM (dan jika tiada bayaran yang perlu dibayar kepada RIM atau pengedar rasmi RIM untuk Perisian itu, maka pemasangan dan penggunaan sehingga jumlah salinan lainnya yang dibenarkan secara bertulis oleh RIM atau pengedar rasminya).

Jika Anda memperoleh Perisian (dan mana-mana LKP berkaitan) melalui langganan asas atau sebagai sebahagian daripada percubaan percuma, maka hak lesen yang disebutkan di atas hanya sah untuk jangka masa di mana anda telah membayar bayaran langganan yang diperlukan atau untuk jangka masa dibenarkan oleh RIM atau pengedar rasminya, sebagai kes mungkin).

Dalam semua kes, lesen yang dibenarkan di dalam Perjanjian ini membenarkan Anda dan Pengguna Anda Yang Dibenarkan untuk menggunakan atau membenarkan penggunaan Perisian atau untuk mengakses Perkhidmatan hanya untuk kegunaan dalaman atau untuk tujuan peribadi dan hanya sebagai sebahagian daripada Penyelesaian BlackBerry Anda. Jika Pengguna Yang Dibenarkan juga berhajat untuk menggunakan Perisian Pegang Tangan BlackBerry sebagai sebahagian daripada penyelesaian BlackBerry yang lain (cth. penyelesaian BlackBerry yang terkandung sebagai sebahagian daripada produk, perisian atau perkhidmatan hak milik RIM di mana Anda, atau seseorang yang mewakili Anda, yang belum diperolehi, dipasang atau dibekalkan, dan Anda bersedia untuk membenarkan tetapi tidak bertanggungjawab untuk, penggunaan tersebut; "Penyelesaian BlackBerry Lain"), maka penggunaan tidak

dapat diliputi oleh lesen perjanjian ini dan Anda hendaklah memastikan Pengguna Yang Dibenarkan membuat perjanjian lesen berasingan di mana RIM memberi hak kepadanya untuk menggunakan Perisian Pegang Tangan BlackBerry sebagai sebahagian daripada Penyelesaian BlackBerry Lain (cth. Jika Anda adalah pemilik syarikat dan pekerja Anda berhajat untuk menggunakan Perisian Pegang Tangan BlackBerry bersama dengan Perkhidmatan Prosumer BlackBerrynya, dan Anda bersedia untuk membenarkan tetapi tidak bertanggungjawab untuk penggunaan tersebut, pekerja Anda hendaklah, selain menjadi Pengguna Yang Dibenarkan di bawah Perjanjian ini, membuat Perjanjian Lesen Perisian BlackBerry dengan RIM, mengikut kemampuan peribadi mereka, berhak menggunakan Perisian dengan Penyelesaian BlackBerry Lain ini. Dalam kebanyakan kes, Perjanjian Lesen Perisian BlackBerry akan diperkenalkan kepada pihak individu apabila mereka memperuntukkan Perisian Pegang Tangan BlackBerry untuk digunakan bersama Perkhidmatan Prosumer BlackBerry, dan yang selainnya boleh diperolehi daripada RIM di www.blackberry.com/legal. Begitu juga jika Anda mempunyai Perjanjian Akses Hos BES yang mengambil tempat, pelanggan Anda hendaklah membuat Perjanjian untuk menggunakan Perisian Pelayan Perusahaan BlackBerry sebagai sebahagian daripada Penyelesaian BlackBerry mereka).

Perjanjian ini dan lesen yang diluluskan di dalam ini, tidak menyifatkan sebarang hak atau kelayakan untuk: (a) meningkatkan gred atau mengemaskinikan Perisian atau Perisian Pihak Ketiga pada masa akan datang; (b) Dalam kes mengenai Perisian Pegang Tangan BlackBerry di dalam Produk Pegang Tangan, kebolehan mengakses aplikasi, selain daripada yang termasuk dalam Perisian; atau (c) menerima mana-mana Perkhidmatan baru atau ubahsuai. Meskipun seperti yang tertera di atas, Perisian tersebut boleh memasukkan fungsi untuk memeriksa secara automatik bagi peningkatan gred atau kemaskini Perisian. Melainkan jika Anda, atau pihak ketiga yang mana Anda mempunyai perjanjian dengannya untuk menyediakan Penyelesaian BlackBerry Anda atau sebahagian daripadanya kepada Anda, konfigurasi Penyelesaian BlackBerry Anda untuk menghalang penghantaran atau penggunaan peningkatan gred atau kemaskini Perisian, Perisian atau Perkhidmatan Pihak Ketiga, Anda dengan ini bersetuju bahawa RIM boleh (tetapi tidak diwajibkan untuk) membuat peningkatan gred atau kemaskini tersedia untuk Anda dari semasa ke semasa. Jika RIM, sama ada secara terus atau melalui pengedar (termasuk Perkhidmatan Pemberi Masa Berbual Anda) membuat sebarang kemaskini atau peningkatan gred Perisian atau Perkhidmatan tersedia untuk Anda, maka kemaskini atau peningkatan gred hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat Perjanjian ini, melainkan Perisian atau Perkhidmatan disediakan secara pantas untuk Anda di bawah yang lain, atau tambahan terma dan syarat, di mana jika Anda menerima terma dan syarat yang berkaitan atau menggunakan kemaskini atau peningkatan gred, yang lainnya, atau tambahan terma dan syarat (yang mungkin termasuk pembayaran bayaran tambahan), patut diikuti.

Anda tidak boleh mencetak, mengedar atau mengubahsuai Perisian, secara keseluruhan atau sebahagiannya. Kecuali setakat RIM jelas dihalang di sisi undang-undang daripada melarang aktiviti-aktiviti ini, Anda tidak boleh menyalin, mengeluarkan semula, atau apa-apa cara lain menduplikasikan Perisian itu, secara keseluruhan atau sebahagiannya, kecuali dibenarkan oleh Perjanjian ini atau melalui perjanjian bertulis berlainan antara Anda dan RIM. Bagi maksud peruntukan ini "menyalin" atau "mengeluarkan semula" tidaklah termasuk menyalin pernyataan dan arahan Perisian yang berlaku dengan sendirinya semasa pelaksanaan atau cara biasa apabila digunakan mengikut dan bagi maksud yang diperihalkan dalam Dokumentasi atau apabila membuat sokongan biasa yang tidak diubahsuai bagi Perisian atau komputer atau sistem yang padanya Perisian itu dipasang, mengikut amalan perniagaan standard industri. Anda tidak boleh menyalin mana-mana Dokumentasi atau bahagian daripadanya melainkan jika dibenarkan dengan khusus secara bertulis untuk berbuat demikian oleh RIM. Anda boleh memuat-turunkan suatu salinan tunggal Dokumentasi daripada <http://www.blackberry.com/> hanya untuk kegunaan Anda mengikut terma dan syarat ini bersama dengan menggunakan Perisian tersebut.

3. Penggunaan Penyelesaian BlackBerry Anda. Anda bertanggungjawab bagi semua aktiviti yang berkenaan dengan Penyelesaian BlackBerry Anda yang dijalankan oleh Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda dan Anda hendaklah memastikan bahawa:

- (a) Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda hanya akan menggunakan Penyelesaian BlackBerry Anda dan mana-mana bahagian daripadanya, mengikut Perjanjian ini, semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang terpakai, dan Dokumentasi yang sesuai bagi Penyelesaian BlackBerry atau bahagiannya;

- (b) Anda mempunyai hak dan kuasa untuk membuat Perjanjian ini, sama ada bagi pihak Anda sendiri atau bagi pihak sesuatu syarikat atau entiti lain, atau minor, dan Anda melebihi umur dewasa;
- (c) Mana-mana maklumat yang diberikan kepada RIM menurut Perjanjian ini adalah benar, tepat, semasa dan lengkap;
- (d) Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda tidak boleh dengan disedarinya, setelah membuat pertanyaan sebagaimana seorang yang munasabah dalam kedudukan Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda akan membuat, menggunakan atau membenarkan orang lain untuk menggunakan Penyelesaian BlackBerry Anda atau sebahagian daripadanya dengan sendiri atau dengan mana-mana perisian atau data lain dengan cara yang mengikut pandangan RIM, yang semunasabahnya bertindak campur tangan dalam, mendegradasi, atau menjejaskan dengan teruk mana-mana perisian, sistem, rangkaian atau data yang digunakan oleh mana-mana orang termasuklah RIM atau Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual atau selainnya yang boleh memberi kesan yang mudarat kepada RIM, Kumpulan Syarikat RIM, Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual atau mana-mana pelanggan atau produk atau perkhidmatan mereka masing-masing, dan Anda hendaklah dengan serta merta menghentikan mana-mana aktiviti tersebut selepas RIM menghantar notis berkenaan yang sama kepada Anda;
- (e) Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda tidak boleh menghantar mesej, kandungan atau maklumat yang mengganggu, memaki hamun, memfitnah, menyalahi undang-undang atau menipu dengan menggunakan Penyelesaian BlackBerry Anda atau mana-mana sebahagian daripadanya;
- (f) Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda tidak boleh menggunakan Penyelesaian BlackBerry Anda atau mana-mana bahagian daripadanya untuk melakukan atau mencuba untuk melakukan jenayah atau memudahkan perlakuan apa-apa jenayah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang atau perbuatan salah laku yang lain, termasuk mana-mana pelanggaran pada privasi atau pelanggaran, pencabulan atau penyalahgunaan mana-mana hak milik intelek dan/atau hak milik lain mana-mana pihak ketiga (termasuk, tanpa batasan, menyalin dan membahagi-bahagikan Isi Kandungan Pihak Ketiga di mana Anda dan Pengguna Yang Dibenarkan Anda tidak mempunyai hak untuk menyalin dan membahagikan, atau menyalahi undang-undang dengan mengelakkan mana-mana undang-undang perlindungan pengurusan hak digital.
- (g) Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda tidak akan menjual, sewa, pajak, sub-lesen, atau pindah, atau cuba untuk menjual, sewa, pajak, sub-lesen, atau pindah, Perisian atau mana-mana bahagian daripadanya, atau hak Anda untuk mengguna Perisian atau mana-mana bahagian daripadanya, (termasuk mengendalikan suatu biro perkhidmatan atau perkhidmatan yang sama dengan menggunakan Perisian tersebut) kepada mana-mana orang lain, tanpa kebenaran bertulis yang nyata terlebih dahulu daripada RIM;
- (h) Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda tidak boleh memindahkan, atau cuba untuk memindahkan, mana-mana Perisian atau mana-mana bahagian daripadanya yang diprapasang oleh atau bagi pihak RIM dalam Produk RIM bagi kegunaan pada mana-mana peranti lain tanpa kebenaran bertulis yang nyata terlebih dahulu daripada RIM.
- (i) Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda hendaklah bekerjasama dengan RIM dan memberikan maklumat yang diminta oleh RIM bagi membantu RIM menyiasat atau menentukan sama ada berlaku pelanggaran Perjanjian ini dan memberi RIM atau juruaudit bebas yang dilantik oleh RIM akses kepada premis dan komputer di mana Produk, Perkhidmatan atau Perisian RIM ada atau telah digunakan dan mana-mana rekod yang berkaitan. Anda dengan ini memberi kuasa kepada RIM untuk bekerjasama

dengan: (i) pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang dalam penyiasatan pelanggaran jenayah yang disyaki; (ii) pihak-pihak ketiga dalam menyiasat perbuatan yang melanggar Perjanjian ini; dan (iii) pentadbir sistem di pemberi perkhidmatan Internet, rangkaian atau kemudahan komputer demi menguatkuasakan Perjanjian ini. Kerjasama itu mungkin termasuk RIM mendedahkan nama pengguna, alamat IP, atau maklumat pengenalan lain Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda.

4. Barang Pihak Ketiga dan Perkhidmatan Pihak Ketiga. Berkenaan dengan penggunaan Penyelesaian BlackBerry Anda, Anda boleh memperoleh atau mendapatkan akses kepada, Barang Pihak Ketiga dan Perkhidmatan Pihak Ketiga.

- (a) Barang Pihak Ketiga Diperlukan. Anda bertanggungjawab untuk memastikan Barang Pihak Ketiga dan Perkhidmatan Pihak Ketiga (termasuk, tanpa batasan, sistem komputer, kesambungan Internet, dan Perkhidmatan Masa Berbual) yang Anda pilih untuk mengendalikan Penyelesaian BlackBerry Anda memenuhi kehendak minimum RIM, termasuk, tanpa batasan, kelajuan pemprosesan, memori, perisian pelanggan dan kebolehsediaan capaian Internet yang khusus diperlukan bagi Penyelesaian BlackBerry Anda sebagaimana yang dinyatakan dalam Dokumentasi, dan Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda yang mengguna Barang Pihak Ketiga dan/atau Perkhidmatan Pihak Ketiga dengan Penyelesaian BlackBerry Anda bukan dalam pelanggaran mana-mana lesen, terma, syarat, peraturan dan/atau undang-undang mengenai penggunaan Barang Pihak Ketiga dan Perkhidmatan Pihak Ketiga.
- (b) Perkhidmatan Masa Berbual. Dalam kebanyakan keadaan, Penyelesaian BlackBerry Anda memerlukan suatu langganan bagi Perkhidmatan Masa Berbual untuk menggunakan Penyelesaian BlackBerry Anda dan Anda hendaklah memperoleh langganan ini melalui Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual (atau boleh dibuat melalui RIM bagi pihak Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual) yang mana Perkhidmatan Masa Berbual hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat sesuatu perjanjian antara Anda dengan Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual. Jika Anda ingin mendapat maklumat mengenai Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual yang menyokong Penyelesaian BlackBerry Anda di lokasi Anda, sila hubungi RIM melalui legalinfo@rim.com.
- (c) Perkhidmatan Pihak Ketiga Diperlukan. RIM mungkin juga memberi Anda barang Perisian Pegang Tangan BlackBerry yang direka bentuk khusus untuk membolehkan Anda mengakses butir-butir khusus Perkhidmatan Pihak Ketiga (cth. My Space dan MSN Messenger). Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual Anda mesti membenarkan Anda untuk mengakses Perkhidmatan Pihak Ketiga melalui Produk Pegang Tangan Anda supaya Anda boleh berbuat demikian. Anda juga memerlukan akaun dengan Pemberi Perkhidmatan Pihak Ketiga untuk menggunakan Perisian Pegang Tangan BlackBerry dengan ciri tertentu daripada Perkhidmatan Pihak Ketiga, yang mana akaun akan ditadbirkan mengikut terma dan syarat yang Anda bersetuju dengan Perkhidmatan Pihak Ketiga.

Jika Anda tidak pasti sama ada RIM ialah sumber laman web, kandungan, barang, produk atau perkhidmatan, sila hubungi RIM di legalinfo@rim.com. Jika Anda berurusan dengan pihak ketiga melalui Internet atau berkaitan dengan Perkhidmatan Pihak Ketiga, berhati-hati untuk memastikan bahawa Anda tahu dengan siapa Anda berurusan, dan bahawa Anda tahu terma dan syarat yang dikaitkan dengan laman web itu dan mana-mana Perkhidmatan Pihak Ketiga atau Barang Pihak Ketiga, Anda boleh menerima, termasuk tanpa batasan, terma penyerahan dan pembayaran, terma penggunaan, terma lesen pengguna akhir, boleh atau tidaknya untuk memulangkan barang, terma kerahsiaan, memberi kerahsiaan, dan ciri keselamatan untuk melindungi maklumat peribadi Anda dan untuk memastikan keselamatan peribadi Anda. Jika Anda membuat perjanjian dengan pihak ketiga, Anda bertanggungjawab untuk mematuhi terma dan syarat perjanjian tersebut.

5. Terma Tambahan untuk Perisian Pihak Ketiga dan Komponen Pihak Ketiga. Tanpa menghad sebelumnya, Perisian boleh termasuk Komponen Pihak Ketiga, dan untuk meningkatkan pengalaman Anda dengan Penyelesaian BlackBerry Anda, Perisian Pihak Ketiga boleh diberikan bersama dengan Produk atau Perisian RIM apabila dikeluarkan oleh RIM dan kemudiannya boleh disalurkan, diedarkan atau dengan cara lain dibekalkan kepada Anda dari semasa ke semasa. Penggunaan Anda kepada Perisian Pihak Ketiga dan Komponen Pihak Ketiga (termasuklah apa-apa pengemaskinian atau peningkatan gred kepadanya) mungkin bergantung kepada terma dan syarat tambahan atau yang berasingan. Terma dan syarat tambahan atau yang berasingan ini, jika ada, akan disediakan di dalam fail teks yang disertakan bersama Perisian dan/atau, dalam hal Perisian Pihak Ketiga, mungkin dapat disediakan apabila Anda menggunakan atau memasang Perisian Pihak Ketiga buat pertama kali. Bagi Perisian Pihak Ketiga yang diberikan kepada Anda oleh RIM, RIM hanya boleh memberi Perisian mengikut kefahaman Anda, pengakuan dan persetujuan bahawa perisian itu: (a) diberikan sebagai kemudahan untuk Anda sahaja; dan (b) melainkan jika tidak disertakan bersama dengan lesen perisian yang berasingan, ia adalah tertakluk kepada terma dan syarat Perjanjian ini seolah-olah ia adalah Perisian, kecuali dalam semua keadaan ia dibekalkan oleh RIM "SEADANYA" dan "SEBAGAIMANA TERSEDIA" tanpa syarat, pengendorsan, jaminan, representasi atau waranti yang nyata atau tersirat. Jika Anda ingin mendapatkan Perisian Pihak Ketiga ini atas terma lain, Anda hendaklah memperoleh Perisian Pihak Ketiga secara langsung daripada pembekalnya. Perjanjian Lesen berlainan atau syarat dan terma tambahan di antara Anda dan Pembekal tidak boleh sekali-kali terikat dengan RIM atau mengenakan apa-apa obligasi tambahan, atau obligasi yang tidak selaras dengan terma Perjanjian ini, kepada RIM walau apa jua keadaan pun. Setakat kepada mana-mana Komponen Pihak Ketiga yang khususnya dilindungi oleh terma dan syarat tambahan yang memberi Anda hak untuk menggunakannya, menyalin, mengedar, atau mengubahsuai dan meluaskan kesemua atau sebahagian yang berkenaan dengan Komponen Pihak Ketiga daripada hak kemampuan Anda di dalam Perjanjian ini untuk Perisian, setakat Anda boleh menjalankan keluasan hak tanpa melanggar terma dalam Perjanjian ini untuk Perisian selebihnya, Anda mendapat manfaat bagi keluasan hak tersebut.
6. Sokongan Kriptografi Meja. Perisian Pegang Tangan BlackBerry boleh termasuk modul perisian yang membenarkan pengguna meluaskan pelaksanaan kriptografi berasaskan meja tertentu yang sedia ada (seperti S/MIME Versi 3.0 (atau yang berikut) atau pelaksanaan berdasarkan standard RFC 2440, seperti PGP) (setiap "Pelaksanaan Kriptografi Meja") secara wayarles kepada Produk Pegang Tangan yang tertentu. Pelaksanaan Meja Kriptografi yang tertentu memerlukan anda terlebih dahulu mendapatkan Pelaksanaan Kriptografi Meja daripada vendor pihak ketiga. RIM tidak memberi apa-apa bahagian daripada infrastruktur kriptografi yang diperlukan untuk Pelaksanaan Kriptografi Meja itu sendiri dan RIM tidak bertanggungjawab bagi pemilihan, pemerolehan, pelaksanaan, berjalan atau tidak berjalan, sokongan, ketepatan atau kebolehpercayaan daripada mana-mana bahagian infrastruktur kriptografi Anda, termasuklah tanpa batasan, pemilihan, ketepatan atau kebolehpercayaan kepada perisian infrastruktur, atau mana-mana tandatangan amanah, kunci awam, perakuan pihak ketiga dan perkhidmatan yang berhubungan, atau apa-apa pengesahan atau cara pengesahan, yang digunakan bersama dengan infrastruktur kriptografi. Anda juga bertanggungjawab bagi memastikan bahawa Anda mematuhi mana-mana terma dan syarat, peraturan dan pengawalan berkenaan dengan penggunaan infrastruktur kriptografi, perakuan, kunci awam yang terpakai, dan mana-mana perkhidmatan atau perisian lain yang mungkin Anda gunakan bersama dengan Pelaksanaan Kriptografi Meja khusus Anda. RIM TIDAK BERTANGGUNGJAWAB WALAU APA JUA PUN BAGI MANA-MANA ISU YANG TERBANGKIT DARIPADA ATAU YANG BERHUBUNGAN DENGAN PELAKSANAAN KRIPTOGRAFI MEJA ANDA.
7. Harta Intelek. Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda dengan ini tidak memperoleh apa-apa hak pemilik, hak milik atau kepentingan dalam atau kepada apa-apa harta intelek atau hak proprietari lain, termasuklah paten, reka bentuk, cap dagangan, hak cipta, hak pangkalan data atau hak dalam apa-apa maklumat sulit atau rahsia perniagaan, dalam atau yang berhubungan dengan Penyelesaian BlackBerry Anda atau mana-mana bahagian daripadanya. Anda juga tidak memperoleh apa-apa hak lesen dalam atau berhubung dengan Penyelesaian BlackBerry Anda atau

mana-mana bahagian daripadanya, selain hak yang dilesenkan dengan nyata kepada Anda di bawah Perjanjian ini atau dalam perjanjian bertulis yang lain yang dipersetujui bersama yang Anda mungkin ada dengan RIM. Tidak ada hak milik dan/atau apa-apa hak untuk memiliki Produk RIM (jika ada) diberikan oleh sebab dalam Perjanjian ini. Apa-apa hak yang tidak diberikan dengan nyata di dalam ini adalah nyata terpelihara. Untuk penjelasan, walau apa pun apa sahaja dalam Perjanjian ini, dalam apapun keadaan lesen yang diberikan dalam Perisian di dalam ini melanjutkan, atau ditafsirkan untuk melanjutkan, untuk kegunaan mana-mana Perkhidmatan Pihak Ketiga atau "Barang Pihak Ketiga" baik secara mandiri atau bersama dengan Penyelesaian BlackBerry Anda, dan, tanpa menghadkan, dalam hal apapun lesen yang diberikan di bawah ini boleh ditafsirkan sedemikian rupa sehingga mana-mana pembekal Perkhidmatan Pihak Ketiga atau Barang Pihak Ketiga dapat berjaya menegaskan yang penggunaan Perkhidmatan Pihak Ketiga atau Barang Pihak Ketiga tersebut samada bersama dengan semua atau sebahagian daripada Penyelesaian BlackBerry atau secara mandiri dilesenkan di bawah paten RIM berdasarkan fakta bahawa Perisian dilesenkan di bawah perjanjian. Perisian, termasuk mana-mana salinan yang Anda buat untuk Perisian, hanya dilesenkan, dan tidak dijual, kepada Anda, dan Perisian, kesemua Dokumentasi dan mana-mana laman yang membenarkan Anda mencapai mana-mana Perkhidmatan yang dilindungi oleh undang-undang hak cipta dan paten Kanada, Amerika Syarikat dan antarabangsa dan peruntukan triti antarabangsa. Terdapat penalti yang berat, sivil dan jenayah kedua-duanya, bagi pelanggaran harta intelek. Anda bersetuju bahawa tiada apa-apa di dalam Perjanjian ini boleh menjejaskan dengan teruk apa-apa hak dan penuntutan pada mana-mana remedi termasuklah tanpa batasan, relief injunksi, yang ada pada RIM di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai yang berhubungan dengan perlindungan harta intelek atau hak proprietary lain RIM.

8. Laluan Bukan Tuntutan Cisco Jika Penyelesaian BlackBerry Anda mengandungi mana-mana Teknologi Cisco, sebagai balasan kepada hak Anda untuk menggunakan Teknologi Cisco, Anda bersetuju untuk tidak menuntut apa-apa hak paten berhubung dengan Teknologi Cisco terhadap Cisco, pelanggan Cisco, pengedar atau pemegang lesen Teknologi Cisco kerana membuat, telah membuat, menggunakan, menjual, menawar untuk jualan, atau mengimport produk yang mematuhi atau melaksanakan Teknologi Cisco. Untuk tujuan Perjanjian ini, "Teknologi Cisco" ertinya perisian, Protokol Pengesahan Tertingkat Ringan ("PPTR"), spesifikasi PPTR, teknologi Sambungan Pelanggan Cisco, maklumat teknikal, dan algoritma, sebagaimana yang mereka semata-mata berhubungan dengan PPTR dan/atau Sambungan Pelanggan Cisco, sebagaimana yang bersesuaian.
9. Sekatan Eksport, Import dan Penggunaan dan Lesen Kerajaan Amerika Syarikat.
 - (a) Anda mengakui bahawa Produk RIM dan Perisian itu termasuklah teknologi kriptografi yang boleh dikawal bagi maksud eksport, import dan/atau penggunaan dikawal oleh Pihak Berkuasa Kerajaan (seperti selanjutnya ditentukan) di bawah undang-undang atau peraturan. Anda bersetuju bahawa Produk RIM dan Perisian tidak akan dieksport, diimport, digunakan, dipindahkan, atau dieksport semula kecuali bersesuaian dengan undang-undang dan peraturan negara dan/atau lain (sub-negara dan/atau supranasional) pihak berkuasa kerajaan yang mempunyai kuasa terhadap Negara dan/atau wilayah dari mana Produk dan Perisian RIM dieksport atau di mana Produk dan Perisian RIM diimport (secara kolektif, "Pihak Berkuasa Kerajaan"). Tanpa batasan, Anda bersetuju bahawa Produk dan Perisian RIM tidak akan dieksport: (i) ke mana-mana negara dalam Senarai Kawalan Kawasan Kanada; (ii) ke mana-mana negara tertakluk kepada embargo atau tindakan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu; (iii) berlawanan dengan Butiran 55 dalam Senarai Kawalan Eksport Kanada; (iv) ke negara-negara yang tertakluk kepada sekatan ekonomi dan embargo Amerika Syarikat; dan (v) kepada orang atau entiti yang dilarang daripada menerima eksport Amerika Syarikat atau barangan yang berasal dari Amerika Syarikat. Jika Anda mempunyai sebarang persoalan mengenai Seksyen ini, sila menghubungi RIM di legalinfo@rim.com. Anda dengan ini membuat representasi bahawa: (A) sepanjang pengetahuan Anda, Anda layak untuk menerima Produk dan Perisian RIM di bawah undang-undang terpakai; (B) Anda tidak akan

menggunakan Produk dan Perisian RIM dalam pembangunan, pengeluaran, pengendalian, penyelenggaraan, simpanan, pengesanan, pengenalan atau penyebaran kimia, biologi atau senjata nuklear atau sistem penghantaran peluru berpandu, atau bahan atau peralatan yang boleh digunakan dalam senjata tersebut atau sistem penghantaran peluru berpandu, atau menjual semula, atau eksport kepada sesiapaupun atau mana-mana entiti yang terlibat dalam kegiatan tersebut; dan (C) Anda akan memastikan bahawa Pengguna Dibenarkan menggunakan Produk dan Perisian RIM sesuai dengan sekatan di atas. Meskipun apa-apa perjanjian dengan pihak ketiga atau apa-apa peruntukan undang-undang, peraturan atau dasar, jika Anda adalah mana-mana agensi kerajaan Amerika Syarikat, maka hak Anda terhadap Perisian tidak harus melebihi hak yang diberikan di bawah Perjanjian ini, kecuali secara tegas dibenarkan oleh RIM dalam perjanjian bertulis antara Anda dan RIM dan ditandatangani oleh Ketua Pegawai Operasi atau Ketua Pegawai Eksekutif RIM.

- (b) Anda dengan ini bersetuju untuk menanggung rugi RIM, Kumpulan Syarikat RIM dan Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual daripada apa-apa tuntutan, tindakan, liabiliti atau perbelanjaan (termasuklah bayaran dan kos peguam yang munasabah) akibat daripada kegagalan Anda untuk bertindak mengikut penerimaan, persetujuan dan perwakilan dalam Seksyen ini.
10. Keselamatan. Perisian Penyelesaian BlackBerry Anda dapat memanfaatkan suatu tahap keselamatan data penyulitan bagi perhubungan antara Produk Pegang Tangan Anda dengan sistem komputer yang padanya Perisian dipasang. Anda bersetuju untuk mengambil tanggungjawab sepenuhnya bagi pewujudan langkah-langkah keselamatan yang sesuai untuk mengawal capaian kepada Produk Pegang Tangan Anda dan sistem komputer tersebut.
11. Kerahsiaan dan Tiada Kejuruteraan Songsang. Anda mengakui dan bersetuju bahawa Perisian itu: (a) telah dibangunkan dengan mengambil masa yang lama dan perbelanjaan yang banyak oleh RIM dan/atau Kumpulan Syarikat RIM; dan (b) bahawa Perisian dan LKP berkaitan mengandungi maklumat rahsia termasuk rahsia perniagaan RIM, Kumpulan Syarikat RIM dan pembekal masing-masing. Perjanjian ini tidak memberi Anda hak untuk mendapatkan sebarang kod sumber untuk Perisian daripada RIM atau pengedarnya, dan kecuali setakat RIM dihalang secara nyata oleh undang-undang daripada menghalang aktiviti-aktiviti ini, Anda bersetuju bahawa Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda tidak boleh mengubah, mengubahsuaikan, menyesuaikan, mencipta karya terbitan, menterjemahkan, merosakkan, atau menjuruterasongsangkan Perisian dan/atau LKP berkaitan, atau cuba untuk berbuat demikian, atau membenarkan, akur, memberi kuasa atau menggalakkan mana-mana pihak lain untuk berbuat demikian juga. Bagi maksud Perjanjian ini, "Kejuruteraan Songsang" termasuk apa-apa perbuatan menjuruterasongsangkan, menterjemah, menyahhimpun, menyahsusun, menyahsulit atau menyahbina (termasuklah apa-apa aspek "longgokan RAM/ROM atau storan berterusan", "pengesanan pautan kabel atau wayarles", atau kejuruteraan songsang "kotak hitam") data, perisian (termasuklah antara muka, protokol, dan apa-apa data lain yang dimasukkan ke dalam atau yang digunakan bersama atur cara yang secara teknikal mungkin atau tidak mungkin dikira sebagai kod perisian), perkhidmatan, atau perkakasan atau apa-apa cara atau proses mendapatkan atau menukarkan mana-mana maklumat, data atau perisian daripada satu bentuk kepada bentuk yang boleh dibaca manusia.
12. Terma Perjanjian ini hendaklah berkuat kuasa apabila Anda bersetuju untuk terikat dengan terma Perjanjian ini (sebagaimana yang diperihalkan dalam mukadimah di atas) dan hendaklah terus berkuat kuasa melainkan diakhiri mengikut peruntukan yang dinyatakan di dalam ini.

Sekalipun demikian, jika selepas Anda menandatangani Perjanjian ini, RIM menghantarkan atau dengan cara lain menyediakan untuk Anda, apa-apa tambahan kepada Perisian Pegang Tangan BlackBerry yang percuma dan direka untuk membolehkan Anda mengakses Perkhidmatan Pihak Ketiga, maka, kerana pergantungan Perisian Pegang Tangan BlackBerry pada Perkhidmatan Pihak Ketiga, RIM berhak, tetapi tidak mempunyai obligasi, untuk menamatkan lesen Anda dengan Perisian Pegang Tangan BlackBerry yang percuma, pada bila-bila masa, dengan apa-apa alasan, tanpa notis kepada Anda, namun, jika boleh,

RIM akan menggunakan usaha yang berpatutan secara komersil untuk menyediakan Anda dengan notis penamatan.

13. Remedi dan Penamatan bagi Kemungkiran.

- (a) Jika Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda melanggar Perjanjian ini, RIM boleh, sebagai tambahan kepada segala hak dan remedi lain yang diperuntukkan oleh Perjanjian ini atau oleh undang-undang, dengan segera menamatkan Perjanjian ini dan mana-mana perjanjian lesen lain antara Anda dengan RIM bagi mana-mana bahagian lain Penyelesaian BlackBerry Anda yang digunakan oleh Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda dengan Perisian ini; dan/atau berhenti menyediakan sebarang perkhidmatan kepada Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda berhubung dengan Penyelesaian BlackBerry Anda. Selepas Anda telah memberikan RIM dengan maklumat hubungan tepat, RIM akan menyediakan Anda dengan notis penamatan.
- (b) Tanpa menghadkan sifat umum ayat di atas, Anda disifatkan sebagai melanggar Perjanjian ini dan RIM mempunyai hak untuk menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis jika:
 - (i) Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda gagal untuk mematuhi atau melaksanakan terma atau syarat di dalam ini;
 - (ii) Anda secara nyata melanggar mana-mana perjanjian lesen lain atau terma bagi perkhidmatan yang mungkin dibuat antara Anda dengan RIM bagi mana-mana bahagian Penyelesaian Blackberry Anda yang Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda gunakan untuk Perisian itu, termasuk tanpa batasan, terma mana-mana perjanjian *click-wrap* atau *shrink-wrap* yang Anda telah bersetuju pada laman web RIM atau selainnya;
 - (iii) Anda atau mana-mana Pengguna Dibenarkan Anda mengganggu perkhidmatan pelanggan RIM atau pengendalian perniagaannya;
 - (iv) sebarang kos bulanan atau berkala lain atau kos yang berkaitan dengan penggunaan Anda dengan Penyelesaian BlackBerry Anda tidak dibayar dalam masa tiga puluh (30) hari tamat tempoh.
- (c) Sebagai tambahan, RIM boleh menamatkan Perjanjian ini dan/atau dengan serta merta berhenti memberikan Perkhidmatan tanpa apa-apa liabiliti walau apa jua pun kepada Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda jika RIM dihalang daripada memberikan mana-mana bahagian atau kesemua mana-mana Perkhidmatan atau daripada menjual Perkhidmatan Masa Berbual, jika terpakai oleh mana-mana undang-undang, peraturan, keperluan atau perintah yang dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk oleh badan kehakiman atau badan kerajaan yang lain, atau jika notis daripada suatu agensi atau jabatan kerajaan menunjukkan sama ada RIM atau Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual tidak dibenarkan untuk memberikan mana-mana bahagian atau kesemua Perkhidmatan Masa Berbual, jika terpakai.
- (d) Tiada apa-apa di dalam ini boleh ditafsirkan sebagai menghendaki RIM untuk mendapatkan penepian mana-mana undang-undang, peraturan, pengawalan, atau sekatan, atau untuk mendapatkan semakan kehakiman atau rayuan terhadap mana-mana perintah mahkamah. RIM tidak mempunyai sebarang tanggungan kepada Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda terbangkit daripada atau berhubung dengan penamatan Perjanjian ini mengikut Seksyen ini.

14. Pengaruh Penamatan. Berikutan penamatan Perjanjian ini, tidak kira bagaimana ia disebabkan, atau jika langganan atau percubaan percuma Anda bagi Perisian berakhir: (a) Anda akan segera

menghentikan semua penggunaan Perisian (atau barang Perisian yang lesennya telah luput) dan mengembalikan semua salinan Perisian tersebut yang berada pada milikan atau kawalan Anda dan/atau Pengguna Dibenarkan Anda, dan (b) RIM berhak untuk menghalang mana-mana penghantaran data ke atau dari Perisian tersebut, tanpa memberi notis kepada Anda. Berikutan penamatan mana-mana akaun yang Anda punyai dengan RIM, Anda membenarkan RIM untuk menghapuskan mana-mana fail, atur cara, data dan mesej e-mel yang berkaitan dengan akaun tersebut, tanpa memberi notis kepada Anda. Dalam hal terjadi penamatan Perjanjian ini oleh RIM sesuai dengan ketentuan Perjanjian ini, Anda perlu membayar kepada RIM semua bayaran (termasuk bayaran dan kos peguam yang berpatutan) dan perbelanjaan berkaitan yang digunakan atau ditanggung oleh RIM dalam penegakan hak dalam Perjanjian ini. Sekalipun demikian, disebabkan oleh sifat Perisian, mungkin adalah mustahil untuk mengembalikan Perisian kerana Perisian diintegrasikan ke dalam perkakasan yang Anda miliki (seperti Produk Pegang Tangan) dan/atau Perisian mungkin dipasang pada komputer meja atau pelayan sebegini rupa sehinggakan semua yang Anda boleh kembalikan adalah pengeluaran semula Perisian. Dalam hal ini, sila hubungi RIM di legalinfo@rim.com untuk arahan lebih lanjut.

15. Indemniti/Liabiliti. Anda hendaklah mempertahankan, menanggung rugi, dan memelihara RIM, Kumpulan Syarikat RIM, pembekal sekutu RIM, pembekal, pengganti, ejen, pengedar dibenarkan dan penerima serah hak dan setiap seorang pengarah, pegawai, pekerja dan kontraktor bebas mereka (setiap orang "Pihak Dilindungi RIM") daripada apa-apa tuntutan, ganti rugi, kerugian, kos atau perbelanjaan (termasuklah tanpa batasan, bayaran dan kos peguam yang munasabah) yang dilakukan oleh Pihak Dilindungi RIM berkenaan dengan: (a) pelanggaran paten atau harta intelek lain atau hak proprietari yang terbangkit daripada penggabungan dengan atau penggunaan mana-mana peranti (selain Produk Pegang Tangan), sistem atau perkhidmatan berkenaan dengan Penyelesaian BlackBerry Anda atau mana-mana bahagian daripadanya; (b) ganti rugi yang terbangkit daripada pelanggaran mana-mana salah satu Seksyen Perjanjian berikut: "Sokongan Kriptografi Meja" (Seksyen 6), "Penggunaan Penyelesaian BlackBerry Anda" (Seksyen 3), "Perisian dan Dokumentasi Lesen" (Seksyen 2), "Barang Pihak Ketiga Diperlukan" (Seksyen 4(a)), "Perkhidmatan Masa Berbual" (Seksyen 4(b)), "Perkhidmatan Pihak Ketiga Diperlukan" (Seksyen 4(c)), "Harta Intelek" (Seksyen 7), "Sekatan Eksport, Import dan Penggunaan dan Lesen Kerajaan Amerika Syarikat" (Seksyen 9), "Kerahsiaan dan Tiada_Kejuruteraan Songsang" (Seksyen 11); (c) apa-apa kecederaan, kematian atau kerosakan harta akibat daripada kecuaiian atau salah laku Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda berkaitan dengan penggunaan Penyelesaian BlackBerry Anda atau mana-mana bahagian daripadanya oleh Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda; atau (d) tuntutan yang dibuat oleh orang ketiga terhadap RIM yang terbangkit daripada atau berhubung dengan penggunaan Perisian atau Penyelesaian BlackBerry Anda atau mana-mana bahagian daripadanya oleh Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda (selain tuntutan yang terbangkit semata-mata daripada penggunaan Produk, Perisian dan/atau Perkhidmatan Rim yang dengan ketat mengikut terma Perjanjian ini dan Dokumentasi yang berkaitan khususnya dengan versi Perisian dan/ atau Produk RIM). Tiada remedi yang diberikan kepada RIM di dalam ini dimaksudkan, dan tidak boleh ditafsirkan sebagai, mana-mana remedi lain yang eksklusif diperuntukkan di dalam ini atau sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang atau ekuiti, tetapi kesemua remedi itu hendaklah kumulatif.

16. Waranti Terhadap.

(a) Perisian.

- (i) Jika semasa tempoh sembilan puluh (90) hari berikutan penghantaran Perisian kepada Anda ("Tempoh Waranti"), Perisian sebagaimana tersedia ada oleh RIM atau mana-mana pengedar dibenarkan RIM tidak mampu untuk melaksanakan fungsi yang diperihalkan dalam Dokumentasi pengguna akhir yang standard ("Spesifikasi") apabila digunakan sebagaimana yang dinyatakan oleh RIM dalam Dokumentasi yang terpakai bagi jenis dan versi khusus Perisian bersama dengan bahagian lain Penyelesaian BlackBerry Anda yang tidak diubah, RIM akan, atas pilihan dan budi bicaranya semata-mata, sama ada melakukan usaha yang munasabah untuk membetulkan atau memberi Anda penyelesaian bagi

masalah itu (di mana pembaikan atau penyelesaian boleh diberikan kepada Anda mengikut budi bicara munasabah RIM dalam satu daripada pelbagai bentuk, termasuk melalui cara sokongan pelanggan telefonik atau e-mel yang diberikan kepada Anda, dalam pelepasan tetap perisian yang tersedia secara am, di laman web RIM atau dalam mana-mana bentuk lain yang dinasihatkan kepada Anda oleh RIM) atau memberi Anda bayaran balik bagi bayaran sekali bayar yang Anda telah bayar bagi Perisian tersebut jika Anda berhenti menggunakan Perisian itu, dan perantara yang padanya Perisian itu diberikan kepada Anda dan semua bungkusan yang berhubung dengannya dipulangkan semula kepada RIM mengikut mekanisme pulangan semula waranti biasa Anda (yang mungkin dilakukan melalui Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual Anda, jika berkenaan, atau tempat pembelian) dalam Tempoh Waranti bersama dengan bukti pembelian.

- (ii) Walau apapun yang bertentangan dalam Perjanjian ini, pengemaskinian dan peningkatan yang disediakan untuk Anda secara percuma disediakan "SEADANYA" dan tanpa jaminan apapun.
- (iii) Pengemaskinian dan peningkatan, yang Anda telah membuat bayaran lesen tambahan, harus tertakluk pada waranti yang telah ditetapkan di atas untuk tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh peningkatan untuk sebarang Perisian dihantar kepada Anda.
- (iv). Obligasi di atas tidak terpakai jika kegagalan Perisian untuk melaksanakan fungsi yang diperihalkan dalam Spesifikasi itu disebabkan oleh: (A) penggunaan Perisian dengan cara yang tidak selaras dengan mana-mana obligasi Anda yang dinyatakan dalam Seksyen Perjanjian ini bertajuk, "Barang Pihak Ketiga Diperlukan" (Seksyen 4(a)), "Perkhidmatan Masa Berbual" (Seksyen 4(b)), "Perkhidmatan Pihak Ketiga Diperlukan" (Seksyen 4(c)), "Sokongan Kriptografi Meja" (Seksyen 6), "Penggunaan Penyelesaian BlackBerry Anda" (Seksyen 3), "Lesen Perisian dan Dokumentasi" (Seksyen 2), "Sekatan Eksport, Import dan Penggunaan dan Lesen Kerajaan Amerika Syarikat" (Seksyen 9) atau "Kerahsiaan dan Tiada_Kejuruteraan Songsang" (Seksyen 11) atau dengan cara yang tidak selaras dengan arahan, termasuklah arahan keselamatan, yang dinyatakan oleh RIM dalam Dokumentasi yang terpakai bagi jenis dan versi khusus Perisian; atau (B) kepincangan tugas atau masalah lain yang berhubung dengan apa-apa perkakasan (termasuklah yang terbangkit daripada Produk Pegang Tangan Pihak Ketiga yang rosak), rangkaian, perisian atau sistem komunikasi selain bahagian lain Penyelesaian BlackBerry Anda; atau (C) mana-mana punca luaran yang menjejaskan Perisian, termasuklah perantara yang padanya Perisian itu diberikan, contohnya kemalangan, bencana, nyahcas elektrostatik, kebakaran, banjir, kilat, air atau angin, pembetulan kesilapan yang boleh dikaitkan dengan perisian selain Perisian itu, atau kerosakan disebabkan oleh pembaikan atau pengubahsuaian yang tidak dibenarkan oleh RIM.
- (v) Sebagai penjelasan, kecuali dikehendaki sebaliknya oleh undang-undang yang berkenaan, waranti ini terpakai pada Perisian Pegang Tangan BlackBerry yang terkandung dalam Produk Pegang Tangan yang baru, dan tidak terpakai pada Perisian Pegang Tangan BlackBerry yang digabungkan dengan Produk Pegang Tangan yang terpakai atau yang diperbaiki.
- (vi) Tidak ada waranti bagi memuat turun bahan tambahan Perisian percuma selepas jualan (yang merupakan peningkatan taraf kepada rangka Perisian yang dimiliki oleh Produk Pegang Tangan), atau pada Perisian Pelayan percuma. Sekiranya, mana-mana item pada Perisian tersebut gagal beroperasi mengikut Dokumentasi dalam tempoh sembilan puluh (90) hari berikutan tarikh Anda memasangkannya pada Produk Pegang Tangan Anda atau komputer yang berkenaan, Anda boleh berhubung dengan RIM dan RIM akan mengenal pasti sokongan, jika ada, yang ada bagi Perisian tersebut (yang mana sokongan tersebut boleh dibekalkan kepada Anda atas budi bicara RIM dalam salah satu daripada beberapa bentuk, termasuk melalui cara sokongan pelanggan telefonik atau e-mel yang diberikan

kepada Anda, dalam penetapan dan pelepasan perisian yang tersedia secara am, di laman web RIM atau dalam mana-mana bentuk lain yang dinasihatkan kepada Anda oleh RIM).

- (vii) Anda mengakui dan bersetuju bahawa Perisian tersebut direka untuk membantu Anda mengakses Barang Pihak Ketiga atau Perkhidmatan Pihak Ketiga, RIM MUNGKIN MEMPUNYAI KUASA YANG TERHAD ATAU TIDAK MEMPUNYAI KUASA TERHADAP KEFUNGSIAN ATAU KEBOLEHAN ATAU KETIDAKBOLEHAN BARANG PIHAK KETIGA ATAU PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA TERSEBUT, DAN MUNGKIN TIDAK DAPAT MENCARI PEMBAIKAN ATAU PENYELESAIAN BAGI MASALAH YANG ANDA KENAL PASTI DENGAN PERISIAN INI.
- (viii) Seksyen ini mencatatkan obligasi RIM sahaja dan remedi perseorangan Anda terhadap Perisian dan mana-mana kerosakkan, kesilapan, masalah atau kemungkiran waranti bagi Perisian yang tercatat di sini.

- (b) Produk. Waranti terhad, jika ada, bagi Produk RIM ("Waranti Produk Terhad") dinyatakan dalam Dokumentasi yang terpakai. Waranti Produk Terhad ialah waranti eksklusif bagi mana-mana Produk RIM yang dijual mengikut terma Perjanjian ini dan menyatakan remedi tunggal Anda berkenaan dengan Produk RIM dan mana-mana pelanggaran Waranti Produk Terhad. Bahagian-bahagian subseksyen yang berikut bagi Seksyen Perjanjian ini yang bertajuk 'AM' (Seksyen 26) seperti di bawah adalah terkandung dengan rujukan dalam terma bagi Waranti Produk Terhad, diubahsuai seperti yang dikehendaki setakat yang diperlu untuk digunakan dalam Waranti Produk Terhad: "Penepian Keingkaran" (Seksyen 26(b)), "Penakatan" (Seksyen 26(c)), "Kebolehasingan" (Seksyen 26(e)), "Bahasa" (Seksyen 26(f)) dan "Keseluruhan Perjanjian" (Seksyen 26 (h)). Dengan menunjukkan penerimaan Anda dengan Perjanjian ini seperti yang disyaratkan di atas, Anda mengakui bahawa Anda telah membaca Waranti Produk Terhad dan bersetuju dengan termannya. Sebagai penjelasan, kecuali setakat yang ditetapkan oleh undang-undang terpakai, Waranti Produk Terhad" terpakai hanya kepada Produk RIM yang baru dan hanya baki waranti tersebut (jika ada) terpakai kepada Produk RIM yang diperbaiki.

17. Bantuan Khidmat Lepas Waranti. Sekiranya Anda ingin mendapatkan bantuan daripada RIM selepas tempoh akhir waranti, sila hubungi RIM di sales@blackberry.com (atau lokasi lain yang disenaraikan di <http://www.blackberry.com/legal/>) atau Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual Anda. Sekiranya, terdapat pihak ketiga yang menjadi hos Perisian bagi pihak Anda ("Pihak Hos"), dan Anda ingin Pihak Hos tersebut memperoleh bantuan bagi Perisian tersebut daripada RIM bagi pihak Anda, maka Anda dan Pihak Hos tersebut tidak perlu mempunyai satu perjanjian bantuan bagi Perisian daripada RIM bagi item-item tertentu Perisian tersebut yang diperlukan bagi bilangan pengguna Anda yang dibenarkan, dan Anda mesti mengemaskinikan RIM dari semasa ke semasa tentang Perisian yang dihos bagi pihak Anda dengan menghantar e-mel kepada sales@blackberry.com (atau lokasi lain yang disenaraikan di <http://www.blackberry.com/legal/>) dengan mengenalpasti Perisian berkenaan, bilangan salinan Anda mempunyai lesen, serta ID SRP dan LKP seperti yang berkenaan. Khidmat bantuan bagi Penyelesaian BlackBerry Anda mungkin tidak terdapat melalui Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual yang tertentu.

18. Keperluan untuk menyandar/memadam data. RIM mengesyorkan supaya Anda sentiasa membuat sandaran semua e-mel, kandungan, Perisian Pihak Ketiga yang Anda memperoleh dan/atau data lain di dalam Produk Pegang Tangan Anda, dalam kebanyakan kes data berkenaan tidak disimpan atau selainnya disandar oleh atau bagi pihak RIM. Jika Anda memindahkan Produk Pegang Tangan Anda (seperti yang dibenarkan oleh Perjanjian) untuk apa-apa sebab, termasuk, tanpa batasan, yang berhubung dengan memberi perkhidmatan kepada Produk Pegang Tangan Anda, Anda mesti memadam segala data daripada Produk Pegang Tangan Anda, dan menyingkirkan segala perkembangan memori, atau data ini akan dapat digunakan oleh orang yang mendapatkan Produk Pegang Tangan, dan Anda hendaklah memasang balik apa-apa perisian yang bukan asalnya dihantar dengan Produk Pegang Tangan.

19. Penolakan Tuntutan.

20.

UNDANG-UNDANG BEBERAPA BIDANG KUASA TIDAK MEMBENARKAN PEMBatasan LIABILITI ATAU PENGECUALIAN WARANTI, SYARAT, SOKONGAN, JAMINAN, ATAU PERWAKILAN DALAM KONTRAK DENGAN PENGGUNA DAN SETAKAT ANDA ADALAH PENGGUNA PENGECUALIAN INI TIDAK BERKENAAN DENGAN ANDA.

(a) Waranti Am

(i) UNTUK TAHAP MAKSIMUM DIBENARKAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG TERPAKAI, KECUALI DENGAN NYATA TERCATIT DALAM PERJANJIAN INI, SEGALA KEADAAN, SOKONGAN, JAMINAN, PERWAKILAN, ATAU APA-APA JENIS WARANTI, NYATA ATAU TERSIRAT, TERMASUK TANPA BATASAN, SEBARANG KEADAAN, SOKONGAN, JAMINAN, PERWAKILAN, ATAU WARANTI KETAHANAN, KEPADANAN UNTUK SATU TUJUAN ATAU PENGGUNAAN TERTENTU, KEBOLEHNIAGAAN,, BUKAN PELANGGARAN, KUALITI KEPUASAN, ATAU GELARAN, ATAU MUNCUL DARIPADA SATU STATUT ATAU ADAT ATAU CARA URUSAN ATAU PENGGUNAAN PERDAGANGAN, DAN SEMUA WARANTI LAIN, PERWAKILAN, SYARAT, SOKONGAN ATAU JAMINAN MANA-MANA JENIS, SAMADA NYATA ATAU TERSIRAT, DENGAN INI DINAFIKAN DAN DIKELUARKAN SEHINGGA TAHAP MAKSIMUM DIBENARKAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI.

(ii) Sehingga tahap maksimum dibenarkan di bawah undang-undang terpakai, mana-mana waranti tersirat atau syarat-syarat berkaitan dengan Perisian sehingga takat mereka tidak boleh dikeluarkan seperti yang dinyatakan di atas, tetapi dapat dihadkan, dengan ini dibataskan kepada sembilan puluh (90) hari dari tarikh Anda pertama kali memasang mana-mana bahagian daripada Penyelesaian BlackBerry Anda pada mana-mana komputer.

(b) Perkhidmatan

(i) KECUALI SETAKAT MELARANG SECARA KHUSUS OLEH UNDANG-UNDANG TERPAKAI, SETIAP PERKHIDMATAN DIPERUNTUKKAN ATAU DAPAT DIPEROLEH "SEADANYA" DAN "SEBAGAI TERSEDIA", TANPA SYARAT, PENGESAHAN, JAMINAN, PERWAKILAN ATAU APA-APA JENIS WARANTI OLEH RIM.

(ii) RIM TIDAK MENJAMIN ATAU MENYEDIAKAN JAMINAN SERUPA LAIN APA PUN YANG PENGGUNAAN ATAU OPERASI TIDAK TERGANGGU BAGI SEBARANG PERKHIDMATAN, KETERSEDIAAN BERTERUSAN SEBARANG PERKHIDMATAN, ATAU YANG MANA-MANA MESEJ, KANDUNGAN ATAU MAKLUMAT DIHANTAR OLEH ATAU KEPADA ANDA AKAN TEPAT, DIHANTAR DALAM BENTUK TIDAK KORUP ATAU DALAM SATU TEMPOH MASA YANG BERPATUTAN.

(c) Barang Pihak Ketiga dan Perkhidmatan Pihak Ketiga, Halaman Berkaitan.

(i) KECUALI SETAKAT MELARANG SECARA KHUSUS OLEH UNDANG-UNDANG TERPAKAI, PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA DAN BARANG PIHAK KETIGA BUKAN DI BAWAH KAWALAN RIM, RIM TIDAK MEMBERI APA-APA KETERANGAN BAGI BARANG PIHAK KETIGA ATAU PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA, DAN RIM TIDAK BERTANGGUNGJAWAB ATAS APAPUN PEMILIHAN, PENGGUNAAN,

- AKSES, ATAU PELAKSANAAN ANDA TERHADAP PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA ATAU BARANG PIHAK KETIGA.
- (ii) YANG DISEBUT DI ATAS TERPAKAI TIDAK KIRA: (A) BAGAIMANA ANDA MENDAPAT ATAU MEMPEROLEHI AKSES KEPADA BARANG PIHAK KETIGA DAN/ATAU PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA, CTH. SAMA ADA SECARA BEBAS, ATAU MELALUI RIM ATAU PEMBERI PERKHIDMATAN MASA BERBUAL ANDA; (B) SAMA ADA BARANG PIHAK KETIGA TERSEBUT ATAU PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA (TERMASUK PERKHIDMATAN MASA BERBUAL) DIPERLUKAN UNTUK MENGGUNAKAN SEMUA ATAU SEBAHAGIAN DARIPADA PENYELESAIAN BLACKBERRY ANDA; ATAU (C) ANDA MENDAPAT ATAU MEMPEROLEHI AKSES KEPADA BARANG PIHAK KETIGA DAN PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA TERSEBUT DENGAN CARA PRODUK PEGANG TANGAN, TERMASUK TANPA BATASAN, MELALUI PELAYAR ATAU PERISIAN BLACKBERRY APP WORLD YANG MUNGKIN DIBERIKAN SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA PERISIAN PEGANG TANGAN BLACKBERRY, MUAT TURUN PERISIAN PEGANG TANGAN BLACKBERRY SELEPAS PASARAN YANG MEMUDAHKAN AKSES ANDA KEPADA PERKHIDMATAN KHUSUS PIHAK KETIGA DAN/ATAU BARANG PIHAK KETIGA, ATAU DENGAN CARA BERHUBUNG KEPADA PERISIAN PIHAK KETIGA KHUSUS ATAU LAMAN WEB PIHAK KETIGA DAN/ATAU PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA LAIN YANG TERSEDIA UNTUK ANDA DENGAN IKON ATAU PENANDA BUKU PADA PRODUK PEGANG TANGAN ANDA, ATAU DENGAN APAPUN CARA LAIN, TERMASUK TANPA BATASAN DALAM LAMAN WEB ATAU MELALUI MAKLUMAT YANG DICAPAI DENGAN MENGGUNAKAN PRODUK PEGANG TANGAN ATAU DISEDIAKAN KEPADA ANDA OLEH RIM ATAU PEMBERI PERKHIDMATAN MASA BERBUAL.
- (iii) TANPA MENGHADKAN YANG DI ATAS, KECUALI SETAKAT MELARANG SECARA KHUSUS OLEH UNDANG-UNDANG TERPAKAI, KESEMUA BARANG PIHAK KETIGA DAN PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA DISEDIAKAN ATAU DIPERBOLEHKAN OLEH RIM, ATAU SELAINNYA DIGUNAKAN OLEH ANDA BERSAMA DENGAN PENYELESAIAN BLACKBERRY, DI ATAS DASAR "SEADANYA" ATAU "SEBAGAI TERSEDIA", TANPA APA-APA SYARAT, SOKONGAN, JAMINAN, PERWAKILAN ATAU MANA-MANA JENIS WARANTI, DAN RIM TIDAK BERTANGGUNGJAWAB APAPUN KEPADA ANDA ATAU MANA-MANA TUNTUTAN PIHAK KETIGA YANG DIBUAT OLEH ATAU MELALUI ANDA, MENGENAI MANA-MANA ISU YANG BERKAITAN DENGAN BARANG PIHAK KETIGA, ATAU PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA, TERMASUK, TANPA BATASAN: (A) KETEPATAN, PENGHANTARAN, SAMPAI PADA WAKTUNYA ATAU KEBOLEHSEDIAAN PENYAMBUNGAN PADA BARANG PIHAK KETIGA, ATAU PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA, TERSEBUT ATAU MANA-MANA BAHAGIAN PERISIAN TERSEBUT YANG DIREKA BENTUK SEMATA-MATA UNTUK MEMBOLEHKAN AKSES TERSEBUT; (B) KELAKSANAAN DAN KETIDAKLAKSANAAN BARANG PIHAK KETIGA, ATAU PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA; ATAU (C) KESALINGBOLEHKENDALIAN BARANG PIHAK KETIGA, ATAU PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA DENGAN KESEMUA ATAU SEBAHAGIAN DARIPADA PENYELESAIAN BLACKBERRY ANDA.
- (iv) TANPA MENGHADKAN YANG DI ATAS, KECUALI SETAKAT MELARANG SECARA KHUSUS OLEH UNDANG-UNDANG TERPAKAI, ANDA KHUSUSNYA BERSETUJU BAHAWA RIM TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB UNTUK, MANA-MANA VIRUS, ATAU MANA-

MANA UGUTAN, FITNAH, LUCAH, TORTIOUS, MENGGANGGU, ATAU PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA, BARANG PIHAK KETIGA YANG MENYALAHU UNDANG-UNDANG ATAU MANA-MANA BARANG PIHAK KETIGA ATAU PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA ATAU PENGHANTARAN DARI ITU YANG MELANGGAR MANA-MANA HAK HARTA INTELEK PIHAK KETIGA. TINDAKAN ANDA SEKIRANYA ADA TERHADAP APA-APA TUNTUTAN BERKENAAN DENGAN MANA-MANA BARANG PIHAK KETIGA, ATAU PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA, HENDAKLAH DITUJUI SEMATA-MATA TERHADAP PIHAK KETIGA YANG BERKENAAN.

- (d) Aplikasi Misi Kritikal. PENYELESAIAN BLACKBERRY ANDA DAN MANA-MANA BAHAGIAN DARIPADANYA, ADALAH TIDAK BERSESUAIAN UNTUK PENGGUNAAN DALAM APLIKASI MISI KRITIKAL ATAU DALAM PERSEKITARAN YANG BERBAHAYA MEMERLUKAN KAWALAN MENYELAMAT KEGAGALAN, TERMASUK, TANPA BATASAN, OPERASI KEMUDAHAN NUKLEAR, PELAYARAN ATAU SISTEM KOMUNIKASI KAPAL TERBANG, KAWALAN TRAFIK UDARA, DAN BANTUAN NYAWA, ATAU SISTEM SENJATA. TANPA MENGHADKAN YANG SEBELUMNYA, ANDA MEWAKILI DAN MENJAMIN YANG DALAM PENGGUNAAN PENYELESAIAN BLACKBERRY ANDA, ANDA AKAN MENGEKALKAN PEMULIHAN DATA DAN SISTEM SOKONGAN YANG MENCUKUPI, DAN JIKA BERLAKU: (i) GANGGUAN PENGGUNAAN ATAU PERKHIDMATAN; ATAU (ii) KESUKARAN ATAU KESILAPAN DALAM PENGHANTARAN DATA; ANDA BERSETUJU UNTUK SEGERA MENGURANGKAN MANA-MANA DAN SEMUA KERUGIAN DAN KEROSAKAN DAN MELAPORKAN ISU SEDEMIKIAN KEPADA RIM.

20. Batasan Liabiliti.

SESETENGAH NEGARA TIDAK MEMBENARKAN SEKATAN ATAU PENGECEUALIAN TERHADAP KEROSAKAN BERTURUTAN, TIDAK LANGSUNG ATAU LAIN YANG BERIKATAN DENGAN PELANGGAN DAN SETAKAT ANDA ADALAH PELANGGAN, SEKATAN ATAU PENGECEUALIAN DI BAHAGIAN INI MUNGKIN TIDAK BERKAITAN DENGAN ANDA.

- (a) SEHINGGA TAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI DAN MENURUT REMEDI TERTENTU YANG DITETAPKAN DALAM PERJANJIAN INI, DALAM APA KEADAAN PUN RIM TIDAK BERTANGGUNGAN BAGI APA-APA JENIS GANTI RUGI BERIKUT: GANTI RUGI TELADAN, SAMPINGAN, TIDAK LANGSUNG, KHAS, PUNITIF, ATAU YANG AKAN MEMBURUKKAN LAGI KEROSAKAN, GANTI RUGI KERANA HILANG KEUNTUNGAN ATAU PENDAPATAN PERNIAGAAN, KEGAGALAN UNTUK MENYEDARI PENJIMATAN YANG DIHARAPKAN, GANGGUAN PERNIAGAAN, KEHILANGAN MAKLUMAT PERNIAGAAN, KEHILANGAN PELUANG PERNIAGAAN, ATAU KEROSAKAN ATAU KEHILANGAN DATA, KEGAGALAN MENGHANTAR ATAU MENERIMA MANA-MANA DATA, MASALAH YANG DIKAITKAN DENGAN MANA-MANA APLIKASI YANG DIGUNAKAN BERSAMA DENGAN PENYELESAIAN BLACKBERRY, KOS MASA ROSAK, KEHILANGAN PENGGUNAAN PENYELESAIAN BLACKBERRY ANDA, ATAU MANA-MANA BAHAGIANNYA ATAU MANA-MANA PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA ATAU BARANG PIHAK KETIGA, KOS MENGGANTIKAN BARANG, KOS GANTI RUGI, KEMUDAHAN ATAU PERKHIDMATAN, KOS MODAL, ATAU LAIN YANG SAMA DENGAN KERUGIAN KEWANGAN AKIBAT ATAU BERHUBUNG DENGAN PERJANJIAN INI ATAU PENYELESAIAN BLACKBERRY ANDA TERMASUK KETIDAKUPAYAAN UNTUK MENGGUNAKAN, KELAKSANAAN DAN

KETIDAKLAKSANAAN PENYELESAIAN BLACKBERRY ANDA, SAMA ADA
ATAU TIDAK GANTI RUGI TERSEBUT DIJANGKA ATAU TIDAK DIJANGKA,
DAN WALAU PUN RIM TELAH DINASIHATKAN TENTANG KEMUNGKINAN
GANTI RUGI TERSEBUT.

- (b) Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, dalam apapun keadaan kewajiban agregat RIM tidak akan melebihi : (i) jumlah yang dibayar oleh Anda untuk Produk RIM, dan/atau untuk bahagian Perisian tersebut (seperti yang mungkin terjadi) yang menimbulkan tuntutan; dan (ii) sekiranya produk RIM dan/atau bahagian Perisian tersebut (seperti yang mungkin terjadi) yang menimbulkan tuntutan diberikan kepada Anda tanpa caj, lima (5) dolar Amerika Syarikat.
- (c) Setakat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, walau apapun dalam Perjanjian ini, sejauh RIM bertanggungjawab kepada Anda, RIM hanya akan bertanggungjawab ke atas kerosakan yang berlaku semasa tempoh kegagalan tersebut, kelewatan atau tidak terlaksananya Penyelesaian BlackBerry Anda.
- (d) Tidak ada apa-apa di dalam Seksyen ini yang menghadkan tanggungjawab RIM kepada Anda sekiranya berlakunya: (i) kematian atau kecederaan diri setakat yang mana diakibatkan secara langsung oleh kecuaiannya RIM, atau (ii) sebarang tindakan penipuan yang disengajakan atau kelalaian yang disengajakan oleh RIM.
- (e) SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI, MASING-MASING PIHAK BERTANGGUNGJAWAB KEPADA YANG LAIN HANYA SECARA TEGAS DINYATAKAN DALAM PERJANJIAN INI DAN TIDAK MEMPUNYAI KEWAJIPAN, TUGAS ATAU KEWAJIPAN LAIN APAPUN DALAM BENTUK KONTRAK, TORT, ATAU YANG LAIN.
- (f) SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI, BATASAN, PENGECUALIAN, DAN PENOLAKAN DALAM PERJANJIAN INI: (i) TERPAKAI TANPA MENGIRA SIFAT SEBAB TINDAKAN, PERMINTAAN ATAU TINDAKAN OLEH ANDA TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA, KECUAIAN, TORT, LIABILITI KETAT, PELANGGARAN KONTRAK, ATAU MANA-MANA TEORI UNDANG-UNDANG LAIN; (ii) MENAKAT SUATU PELANGGARAN ATAU PELANGGARAN-PELANGGARAN ASASI ATAU KEGAGALAN MAKSUD PENTING PERJANJIAN INI ATAU MANA-MANA REMEDI YANG TERKANDUNG DI DALAM INI; (iii) TIDAK TERPAKAI UNTUK KEWAJIPAN GANTI RUGI YANG DINYATAKAN DI SINI ATAU PENYIMPANGAN ATAU PELANGGARAN OLEH SALAH SATU PIHAK BAGI HARTA INTELEK PIHAK LAIN ATAU MELANGGAR SEBAHAGIAN DARIPADA PERJANJIAN INI BERTAJUK: "SOKONGAN KRIPTOGRAFI MEJA" (SEKSYEN 6), "PENGUNAAN PENYELESAIAN BLACKBERRY ANDA" (SEKSYEN 3), "LESEN PERISIAN DAN DOKUMENTASI" (SEKSYEN 2), "HARTA INTELEK" (SEKSYEN 7), "SEKATAN EKSPORT, IMPORT DAN PENGGUNAAN DAN LESEN KERAJAAN AMERIKA SYARIKAT" (SEKSYEN 9), DAN "KERAHSIAAN DAN TIADA_KEJURUTERAAN SONGSANG" (SEKSYEN 11); DAN (iv) TERPAKAI SECARA BERKUMPULAN, KEPADA RIM ATAU SYARIKAT KUMPULAN RIM, PENGGANTI, PEMEGANG SERAH HAK, DAN PENGEDAR RIM YANG DIBENARKAN (TERMASUK PEMBERI PERKHIDMATAN MASA BERBUAL YANG BERTINDAK SEBAGAI PENGEDAR YANG DIBENARKAN OLEH RIM BAGI PERISIAN TERSEBUT).
- (g) DALAM APAPUN KEADAAN MANA-MANA PEGAWAI, PENGARAH, PEKERJA, EJEN, PENGEDAR, PEMBEKAL, PEMBEKAL PERKHIDMATAN, KONTRAKTOR BEBAS, ATAU MANA-MANA PEMBERI PERKHIDMATAN MASA BERBUAL (KECUALI YANG DINYATAKAN DI ATAS) RIM ATAU KUMPULAN SYARIKAT

RIM TIDAK MEMPUNYAI APA-APA LIABILITI YANG TERBANGKIT DARIPADA ATAU YANG BERHUBUNG DENGAN PERJANJIAN INI.

- (h) ANDA MENGAKU DAN BERSETUJU BAHAWA PENOLAKAN, PENGECUALIAN DAN BATASAN YANG DINYATAKAN DALAM PERJANJIAN INI MENJADI SUATU ELEMEN PENTING PERJANJIAN ANTARA PIHAK-PIHAK DAN JIKA KETIADAAN PENOLAKAN, PENGECUALIAN DAN BATASAN ITU: (i) BAYARAN DAN TERMA LAIN DALAM PERJANJIAN INI SEBAHAGIAN BESARNYA AKAN MENJADI BERLAINAN; DAN (ii) KEMAMPUAN RIM UNTUK MENAWARKAN DAN KEMAMPUAN ANDA UNTUK LESEN PERISIAN BERDASARKAN PERJANJIAN INI DAN/ATAU KEMAMPUAN RIM UNTUK MEMBUAT BARANG PIHAK KETIGA DAN PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA YANG BOLEH DIAKSES MELALUI PENYELESAIAN BLACKBERRY ANDA AKAN TERJEJAS.

TIADA APA PUN DALAM PERJANJIAN INI BERTUJUAN UNTUK MENGGANTIKAN MANA-MANA PERJANJIAN BERTULIS ATAU WARANTI YANG NYATA YANG DIBEKALKAN OLEH RIM BAGI BAHAGIAN PENYELESAIAN BLACKBERRY ANDA SELAIN PERISIAN DAN PERKHIDMATAN.

21. Kebeharan untuk Memungut Maklumat.

- (a) Pemasangan dan/atau penggunaan Anda terhadap Penyelesaian BlackBerry Anda (atau mana-mana bahagiannya) dan/atau Perkhidmatan atau Perkhidmatan Masa Berbual yang berkaitan boleh menyebabkan pengumpulan, penggunaan dan/atau pendedahan maklumat peribadi tentang Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda (yang mungkin atau tidak, bergantung pada undang-undang yang terpakai, termasuk, tanpa terhad kepada, nama, alamat e-mel, nombor telefon, maklumat Produk Pegang Tangan, maklumat lokasi Produk Pegang Tangan (seperti yang dinyatakan di bawah), maklumat Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual, dan maklumat mengenai penggunaan kefungsiannya Penyelesaian BlackBerry Anda atau perisian dan perkakasan yang digunakan bersama-sama dengan Penyelesaian BlackBerry Anda), oleh RIM, Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual Anda, pihak ketiga dengan produk atau perkhidmatan yang digunakan dengan Penyelesaian BlackBerry Anda dan/atau pergabungan syarikat pada entiti yang tertera di dalam ayat ini. Anda bersetuju dengan pengambilan, penggunaan, pemprosesan, penghantaran, dan/atau pendedahan maklumat tersebut oleh Kumpulan Syarikat RIM yang bertempat di dalam suatu negara atau daerah di dalam atau di luar wilayah Anda, dan Anda menjamin bahawa Anda telah memperolehi semua persetujuan yang diperlukan di bawah undang-undang terpakai daripada Pengguna Dibenarkan Anda untuk mendedahkan maklumat peribadi mereka kepada Syarikat Kumpulan RIM dan untuk Syarikat Kumpulan RIM mengambil, menggunakan, memproses, menghantar dan/atau mendedahkan maklumat peribadi tersebut, yang mungkin juga termasuk penggunaan, pemprosesan, penghantaran, dan/atau pendedahan maklumat tersebut kepada Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual Anda, dan/atau Pengguna Dibenarkan Anda, pihak ketiga dengan produk atau perkhidmatan yang digunakan dengan Penyelesaian BlackBerry Anda, dan/atau dalam lingkungan Syarikat Kumpulan RIM, untuk: (i) penggunaan dalaman bagi Syarikat Kumpulan RIM, termasuk, tanpa batasan: (A) memahami dan memenuhi keperluan dan keutamaan Anda; (B) membangunkan dan mengembangkan perkhidmatan dan produk tawaran yang baru dan sedia ada; dan (C) menguruskan dan mengembangkan perniagaan dan operasi RIM termasuk memastikan kefungsiannya teknikal produk dan perkhidmatan: (ii) sebarang tujuan yang berkaitan dengan bil, pengaktifan, penyediaan, penyelenggaraan, penyahaktifan dan/atau penggunaan Penyelesaian BlackBerry Anda oleh Anda dan/atau Pengguna Dibenarkan Anda dan/atau berkaitan dengan produk dan/atau perkhidmatan (termasuk Perkhidmatan), termasuk memenuhi atau mengenakan terma dan syarat RIM; (iii) menyediakan peningkatan atau pengemaskinian Perisian, notis peningkatan atau pengemaskinian, Perisian Pihak Ketiga,

Kandungan Pihak Ketiga atau Perkhidmatan Pihak Ketiga dan/atau produk dan/atau perkhidmatan berkaitan (termasuk Perkhidmatan) untuk Anda dan/atau Pengguna Dibenarkan Anda; (iv) sebarang tujuan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang yang terpakai; dan/atau (v) sebarang tujuan lain, yang kemudian ditetapkan dalam dasar privasi RIM terkini, yang boleh dilihat di http://na.blackberry.com/eng/legal/privacy_policy.jsp, atau untuk yang selainnya oleh Anda.

- (b) Selain maklumat peribadi lain yang dinyatakan dalam Perjanjian ini, ketika Anda menggunakan Produk Pegang Tangan Anda atau mengaktifkan perkhidmatan data atau fungsi berasaskan lokasi, maklumat lokasi Produk Pegang Tangan (termasuk, tanpa batasan, maklumat GPS, pembawa ID, menara ID dan kekuatan isyarat WiFi yang dikesan atau menara sel) boleh disampaikan kepada Syarikat Kumpulan RIM. Syarikat Kumpulan RIM boleh menggunakan maklumat tersebut untuk menyediakan Anda dengan perkhidmatan berasaskan lokasi, termasuk, tanpa batasan, perkhidmatan memudahkan pertukaran maklumat lokasi Produk Pegang Tangan dengan orang lain, termasuk tanpa batasan, Perkhidmatan Pihak Ketiga yang digunakan bersama Penyelesaian BlackBerry Anda. Anda harus memberikan pertimbangan wajar sebelum bersetuju untuk mendedahkan maklumat peribadi Anda kepada orang lain. Kami juga boleh menggunakan maklumat tersebut untuk membina data di mana maklumat peribadi Anda telah digabungkan atau dibuat tanpa nama, dan boleh menggunakannya untuk menyediakan iklan sensitif-lokasi.
- (c) Pengumpulan, penggunaan, pemprosesan, penghantaran, dan/atau pendedahan maklumat peribadi Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda untuk tujuan yang disebutkan di atas sesuai dengan dasar privasi RIM. RIM berhak untuk mengubahsuai polisi privasinya dari semasa ke semasa atas budi bicara diri dan Anda harus secara berkala meninjau dasar privasi RIM untuk perubahan. Jika maklumat peribadi Anda didedahkan kepada Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual Anda, atau pihak ketiga yang mana produk atau perkhidmatannya digunakan dengan Penyelesaian BlackBerry Anda, dasar privasi Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual atau pihak ketiga, atau terma dan syarat yang berkaitan dengan pengambilan, penggunaan, pemprosesan, penghantaran, dan/atau pendedahan maklumat peribadi dirundingkan antara RIM dengan Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual Anda dan/atau Pengguna Dibenarkan Anda atau pihak ketiga yang berkenaan dengan produk atau perkhidmatan yang digunakan dengan Penyelesaian BlackBerry Anda, jika ada, akan terpakai. Anda bersetuju untuk memberitahu semua individu yang mana maklumat peribadi mereka diberikan oleh Anda kepada RIM bahawa mereka berhak untuk mengakses dan membetulkan maklumat peribadi mereka di bawah undang-undang dan peraturan yang terpakai.
22. Maklum balas. Anda boleh memberikan maklum balas kepada RIM mengenai Penyelesaian BlackBerry Anda. Kecuali jika diluluskan oleh RIM secara bertulis, Anda dengan ini bersetuju bahawa RIM akan memiliki semua maklum balas, komen, cadangan, idea, konsep dan perubahan yang Anda berikan kepada RIM mengenai Penyelesaian BlackBerry Anda dan semua yang berkaitan dengan hak harta intelek (secara kolektif "Maklum Balas") dan Anda dengan ini memberi RIM semua hak, milikan dan kepentingan Anda bersama ini. Anda tidak akan dengan sengaja memberikan RIM sebarang maklum balas yang dikenakan kepada hak harta intelek Pihak Ketiga. Anda bersetuju untuk bekerjasama sepenuhnya dengan RIM berhubung dengan penadatangan dokumen selanjutnya dan melakukan tindakan lain sebagaimana yang diminta oleh RIM untuk mengesahkan bahawa RIM memiliki Maklum Balas dan untuk membolehkan RIM mendaftar dan/atau melindungi mana-mana hak harta intelek berkaitan dan/atau maklumat rahsia.
23. Penyerahhakan dan Perwakilan. RIM boleh menyerahhakan Perjanjian ini tanpa notis kepada Anda. Anda tidak boleh menyerahhakan Perjanjian ini secara keseluruhan atau sebahagiannya tanpa persetujuan bertulis RIM terlebih dahulu (persetujuan itu mungkin tidak diberikan atau

dikenakan syarat mengikut budi bicara RIM') dan apa-apa penyerahhakan tanpa persetujuan bertulis RIM terlebih dahulu adalah batal dan tidak sah dan tidak mempunyai kesan. RIM boleh menjalankan semua obligasi untuk dilaksanakan di bawah Perjanjian ini secara langsung atau sesetengah atau kesemua obligasinya boleh dilaksanakan oleh kontraktornya atau subkontraktornya, dan/ atau dalam hal Perkhidmatan Masa Berbual, oleh Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual atau subsidiarinya atau gabungannya.

24. Notis. Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam Perjanjian ini, semua notis atau komunikasi lain di bawah ini hendaklah disifatkan sebagai telah diberikan sewajarnya apabila dibuat secara bertulis dan diserahkan sendiri, melalui kourier atau dihantar melalui surat, melalui surat berdaftar atau yang bersamaan dengannya, resit pulangan diminta, dan dialamatkan kepada Anda di alamat mengebil yang Anda bekalkan kepada Pengurus Produk RIM, dan dialamatkan kepada Research In Motion Singapore Pte. Limited di 1 International Business Park, The Synergy Building, 2nd Floor, Singapore 609917, dengan suatu salinan (yang tidak dikira sebagai notis) kepada RIM di alamat yang sama. Sebagai tambahan kepada yang sebelumnya, RIM boleh, mengikut pilihannya, memberi Anda sebarang notis di bawah Perjanjian ini secara elektronik. Notis elektronik yang diberikan kepada Anda hendaklah ditafsirkan sebagai telah diberikan sewajarnya apabila dihantar ke alamat e-mel yang diberi oleh Anda kepada RIM dan jika Anda tidak memberi alamat kepada RIM, notis mungkin sepatutnya diberikan apabila nyata dipaparkan pada <http://www.blackberry.com/legal/>.
25. Force Majeure. Walau apa pun apa-apa peruntukan lain Perjanjian ini, tiada Pihak disifatkan sebagai mengingkari Perjanjian ini kerana kegagalan mereka untuk memenuhi obligasinya apabila disebabkan oleh keadaan di luar kawalan munasabahnya Peruntukan ini tidak boleh ditafsirkan sebagai mengecualikan ketidaklaksanaan mana-mana obligasi oleh mana-mana Pihak untuk membuat pembayaran kepada Pihak lain di bawah Perjanjian ini.
26. Am.
- (a). Benefisiari Pihak Ketiga. Gabungan RIM dan RIM dan pengarah, pegawai dan pekerja gabungan RIM, ialah benefisiari pihak ketiga yang dimaksudkan bagi maksud Seksyen dalam Perjanjian ini, yang bertajuk, "Batasan Liabiliti" (Seksyen 20) dan "Penolakan Tuntutan" (Seksyen 19). Kecuali jika dinyatakan selainnya secara khusus dalam Seksyen ini, peruntukan di dalam ini adalah bagi manfaat Pihak-Pihak dan bukan untuk mana-mana orang atau entiti lain.
- (b). Penepian Keingkar. Tidak ada pihak dianggap telah dibebaskan atau dibatalkan mana-mana hak di bawah Perjanjian ini, baik berdasarkan kegagalan, kelewatan mahupun doktrin undang-undang atau keadilan lain, kecuali penepian tersebut dibuat secara bertulis ditandatangani oleh penandatanganan Pihak yang dibenarkan terhadap sesiapa yang berusaha menguatkuasakan penepian. Penepian mana-mana peruntukan, bagi Perjanjian ini bagi satu kes tidak bermaksud penepian untuk mana-mana kes lain.
- (c). Penakatan. Terma, syarat dan waranti yang terkandung dalam Perjanjian ini yang mengikut pengertian dan konteksnya dimaksudkan supaya menakat pelaksanaannya untuk menakat penyelesaian pelaksanaan, pembatalan atau penamatan Perjanjian ini.
- (d). Undang-Undang Yang Mentadbir dan Penyelesaian Pertikaian. Perjanjian ini hendaklah dikawal dan ditafsirkan di bawah undang-undang Singapura, tidak termasuk apa-apa badan undang-undang yang mengurustadbirkan pertikaian undang-undang. Pihak-Pihak bersetuju bahawa Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Kontrak bagi Penjualan Barang-Barang Antarabangsa dengan ini dikecualikan keseluruhannya daripada pemakaian Perjanjian ini. Apa-apa pertelingkahan atau pertikaian yang terbangkit daripada atau yang berhubungan dengan Perjanjian ini, atau pelanggaran, yang tidak dapat diselesaikan oleh Pihak-Pihak selepas rundingan secara suci hati, hendaklah pada mulanya dikemukakan kepada tahap pengurusan tertinggi Pihak-Pihak.

Pihak-Pihak, melalui wakil tahap pengurusan tertinggi mereka, yang jika Anda adalah seorang individu, Anda, hendaklah berjumpa dalam masa tiga puluh (30) hari pertikaian dirujuk kepada mereka dan jika Pihak-Pihak itu tidak dapat menyelesaikan pertelingkahan atau pertikaian itu dalam masa tiga puluh (30) hari dari mesyuarat itu, kecuali setakat secara khusus dilarang oleh undang-undang yang terpakai dalam wilayah Anda, pertelingkahan atau pertikaian itu hendaklah diselesaikan oleh timbang tara muktamad dan terikat yang hendaklah diadakan di Singapura mengikut Kaedah-kaedah Timbang Tara Pusat Timbang Tara Antarabangsa Singapura ("Peraturan PTTAS") untuk tempoh kuatkuasa, di mana peraturan ini dianggap termasuk sebagai rujukan fasal ini. Tribunal harus terdiri daripada seorang penimbang tara yang dilantik oleh Pengerusi PTTAS. Bahasa timbang tara adalah bahasa Inggeris. Jika peruntukan sebelum ini adalah dilarang oleh undang-undang dalam wilayah Anda, timbang tara itu hendaklah: (i) diadakan di wilayah Anda; (ii) diselesaikan oleh timbang tara mengikut Kaedah-Kaedah Timbang Tara Dewan Perniagaan Antarabangsa ("Kaedah-Kaedah DPA"); dan (iii) didengar oleh seorang penimbang tara yang dilantik mengikut Kaedah-Kaedah DPA dan dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak dalam masa tiga puluh (30) hari dari hari pelantikan penimbang tara, yang jika gagal, Presiden Persatuan Timbang Tara Brunei Darussalam hendaklah melantik penimbang tara. Tiap-tiap Pihak hendaklah menanggung setengah daripada kos yang berkaitan dengan prosiding timbang tara itu. Tiada pertikaian antara Pihak-Pihak, atau yang melibatkan mana-mana orang selain Anda, boleh dicantum atau digabung bersama, tanpa persetujuan bertulis RIM terlebih dahulu. Walau apa pun yang sebelumnya, RIM berhak untuk memulakan prosiding undang-undang atau ekuiti, termasuklah prosiding untuk mendapatkan relief injunksi, dalam sesuatu mahkamah undang-undang bagi tuntutan atau pertikaian berkenaan: (i) amaun yang Anda terutang kepada RIM berkaitan dengan pemerolehan Anda terhadap Penyelesaian BlackBerry Anda atau mana-mana bahagian daripadanya, jika terpakai; dan (ii) Pelanggaran atau ancaman pelanggaran Anda bagi Seksyen dalam Perjanjian ini yang bertajuk, "Sokongan Kriptografi Meja" (Seksyen 6), "Penggunaan Penyelesaian BlackBerry Anda" (Seksyen 3), "Perisian dan Dokumentasi Lesen" (Seksyen 2), "Harta Intelek" (Seksyen 7), "Sekatan Eksport, Import dan Penggunaan dan Lesen Kerajaan Amerika Syarikat" (Seksyen 9), "Keselamatan (Seksyen 10), "Kerahsiaan dan Tiada_Kejuruteraan Songsang" (Seksyen 11) dan "Pengaruh Penamatan" (Seksyen 14). Anda mengetepikan dengan tak boleh dibatalkan apa-apa bantahan atas alasan tempat, *forum non conveniens* atau apa-apa alasan yang serupa dan bersetuju dengan tak boleh dibatalkan dengan penyampaian proses melalui surat atau dalam apa-apa cara yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai dan bersetuju, berhujah dan berserah dengan tak boleh dibatalkan kepada bidang kuasa mahkamah yang terletak di Singapura bagi apa-apa tuntutan yang berbangkit daripada atau berhubung dengan Perjanjian ini. Pihak-Pihak khususnya bersetuju bahawa, sekiranya terdapat pertikaian di bawah Perjanjian ini dan pertikaian itu hendak diselesaikan di mahkamah undang-undang, pertikaian itu tidak boleh diselesaikan melalui perbicaraan juri. Pihak-pihak dengan ini mengetepikan semua hak kepada perbicaraan oleh juri dalam segala sesuatu yang berkaitan dengan atau yang timbul daripada Perjanjian ini.

- (e). Tiada kekebalan. Anda bersetuju dan mengakui bahawa Anda tunduk pada undang-undang komersil swasta dan guaman di bawah Undang-Undang Brunei Darussalam dan mana-mana bidang kuasa lain yang menyentuh Anda, dan harta atau aset Anda, tidak layak untuk mendapat kekebalan berdaulat di bawah Undang-Undang Brunei Darussalam atau mana-mana bidang kuasa lain. Setakat sesuatu Anda mungkin layak untuk menuntut kekebalan daripada guaman atau penahanan (sama ada sebagai bantuan penyempurnaan, sebelum award atau penghakiman atau selainnya) atau proses undang-undang yang lain, Anda hendaklah bersetuju dengan tidak boleh dibatalkan untuk tidak menuntut atau mengetepikan kekebalan itu ke tahap yang penuh yang dibenarkan oleh undang-undang bidang kuasa itu.

- (f). Kebolehasingan. Setakat apapun bahagian, klausa, peruntukan atau ayat atau sebahagian daripadanya ("Bahagian") dalam Perjanjian ini ditentukan menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dilaksanakan oleh suatu badan kompeten mana-mana bidang berkuasa, maka penentuan Bahagian tersebut tidak akan menjejaskan: (i) kesahan, kesahihan atau penegakan bagi lebih Bahagian dalam Perjanjian ini; atau (ii) kesahan, kesahihan atau penegakan Bahagian itu dalam mana-mana bidang kuasa lain, dan Bahagian tersebut akan terhad jika berkemungkinan dan hanya selepas itu putus, jika perlu, setakat yang diperlukan untuk membuat Perjanjian sah dan kuatkuasa.
- (g). Bahasa. Jika Perjanjian ini diterjemahkan ke dalam bahasa selain bahasa Inggeris, versi bahasa Inggeris akan mengatasi setakat terdapat pertelingkahan atau percanggahan dalam maksud antara versi Inggeris dengan mana-mana terjemahannya. Melainkan, dan hanya setakat, dilarang oleh undang-undang dalam wilayah Anda, apa-apa dan semua pertelingkahan, pertikaian, pengantaraan, timbang tara atau litigasi yang berhubungan dengan Perjanjian ini hendaklah dijalankan dalam bahasa Inggeris, termasuklah tanpa batasan apa-apa surat menyurat, penemuan, hujahan, pemfailan, pliding, pliding lisan, penghujahan, penghujahan lisan dan perintah atau penghakiman.
- (h). Ketidakselarasan. Jika terdapat ketidakselarasan antara Perjanjian ini dengan mana-mana lesen perisian atau perjanjian pengguna akhir (selain daripada Perjanjian ini) yang diperuntukkan dalam bungkusan atau bahan sertaan pada mana-mana bahagian Penyelesaian BlackBerry Anda, peruntukan Perjanjian ini adalah terpakai setakat ketidakselarasan itu. Jika terdapat apa-apa ketidakselarasan antara Perjanjian ini dengan mana-mana lesen perisian atau perjanjian pengguna akhir yang diperuntukkan berkaitan dengan apa-apa peningkatan atau pengemaskinian Perisian, peruntukan lesen atau perjanjian pengguna akhir lain adalah terpakai, setakat ketidakselarasan itu. Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara apa-apa dokumentasi yang diperuntukkan dalam bungkusan mana-mana bahagian Penyelesaian BlackBerry Anda dan Dokumentasi bagi produk RIM atau barangan Perisian yang sesuai, peruntukan Dokumentasi hendaklah terpakai setakat ketidakselarasan itu.
- (i). Keseluruhan Perjanjian. Perjanjian ini (bagi maksud sebarang Tambahan di sini, mestilah dalam hubungan dengan perkara Tambahan tersebut, termasuk terma Tambahan), membentuk keseluruhan perjanjian di antara Pihak-pihak berkenaan dengan perkara tersebut dan tidak terdapat peruntukan, kefahaman, komunikasi, perwakilan, waranti, aku janji, perjanjian sampingan atau perjanjian di antara Pihak-pihak berhubungan dengan Perisian selain daripada yang tertera dalam Perjanjian ini. Walau apa pun yang sebelumnya, perjanjian lain antara Pihak-pihak boleh mentadbirkan penggunaan bahagian lain Penyelesaian BlackBerry Anda. Perjanjian ini menggantikan sebarang peruntukan, kefahaman, komunikasi, perwakilan, waranti, aku janji, , perjanjian sampingan dan perjanjian di antara Pihak-pihak yang terdahulu atau semasa, baik secara lisan mahupun bertulis, berhubungan dengan perkara yang disebut di sini, dan Anda mengakui bahawa Anda tidak bergantung pada apa-apa yang terdahulu, semasa bersetuju untuk membuat Perjanjian ini. Perjanjian ini boleh dipinda pada bila-bila masa apabila dipersetujui bersama oleh Pihak-pihak. Kecuali setakat RIM secara tegas dilarang oleh undang-undang yang terpakai, RIM selanjutnya mempunyai hak untuk membuat perubahan kepada Perjanjian ini secara prospektif, samada untuk menunjukkan perubahan dalam atau dikehendaki oleh undang-undang (termasuk tanpa batasan perubahan untuk memastikan terlaksananya Perjanjian ini) atau pertukaran amalan perniagaan, dengan menyediakan Anda dengan notis yang wajar mengenai perubahan samada secara elektronik (sebagaimana dimaksudkan oleh peruntukan Notis di atas) atau dengan memapar notis perubahan di <http://www.blackberry.com/legal> dan Anda harus secara berkala meninjau laman untuk mengetahui perubahan. Jika Anda terus menggunakan Perisian dan/atau Perkhidmatan lebih daripada enam puluh (60) hari selepas notis pertukaran tersebut telah diberikan, maka Anda dianggap telah menerima perubahan ini. Jika Anda mempunyai keraguan tentang perubahan, sila hubungi

legalinfo@rim.com dalam masa enam puluh (60) hari selepas notis perubahan telah diberikan untuk menanyakan pilihan Anda.

- (j) Pematuhan Undang-Undang. Anda hendaklah, dengan pengorbanan Anda, mendapatkan dan mengekalkan semua lesen, pendaftaran dan kelulusan yang dikehendaki oleh pihak berkuasa kerajaan atau undang-undang yang terpakai dalam wilayah Anda bagi pelaksanaan dan penilaian Perjanjian ini atau apa-apa perjanjian lesen yang berhubungan. Khususnya dan bagi mengelakkan keraguan, Anda hendaklah mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai dan hendaklah mendapatkan mana-mana lesen, pendaftaran dan kelulusan yang diperlukan oleh pihak berkuasa kerajaan yang berwibawa bagi pengimportan dan penggunaan mana-mana Perisian yang mengandungi penyulitan komersial atau fungsi keselamatan lain yang diperlukan oleh undang-undang yang terpakai. Anda hendaklah memberi RIM jaminan dan dokumen rasmi di mana RIM secara berkala boleh meminta untuk menentusahkan pematuhan Anda dengan obligasi ini.

27. Pencantuman Perjanjian. Bagi memastikan: a) terma yang selaras terpakai bagi Perisian PC BlackBerry, Perisian Pelayan BlackBerry dan Perisian Pegang Tangan BlackBerry, apabila setiap itu digunakan sebagai sebahagian daripada Penyelesaian BlackBerry Anda; dan (b) kejelasan berkenaan dengan terma lesen itu terpakai bagi Perisian Pegang Tangan BlackBerry apabila digunakan sebagai sebahagian daripada Penyelesaian BlackBerry Anda, tida kira cara Anda memperuntukkan Perisian Pegang Tangan BlackBerry itu, DENGAN MENUNJUKKAN PENERIMAAN ANDA TERHADAP TERMA PERJANJIAN INI DENGAN CARA DINYATAKAN DI ATAS, ANDA JUGA BERSETUJU BAHAWA PERJANJIAN INI MENGGANTIKAN LESEN PERISIAN/PENGGUNA AKHIR BLACKBERRY DAN PERJANJIAN LESEN PERISIAN PELAYAN PERUSAHAAN BLACKBERRY YANG ADA SEBELUMNYA, DAN MANA-MANA PERJANJIAN LESEN PERISIAN BLACKBERRY YANG ADA SEBELUMNYA, SETAKAT PERJANJIAN ITU SELAINNYA TERPAKAI, DARI TARIKH PENERIMAAN ANDA TERHADAP PERJANJIAN INI, KEPADA MANA-MANA PERISIAN YANG MEMBENTUK SEBAHAGIAN DARIPADA PENYELESAIAN BLACKBERRY ANDA.

Semua rujukan mengenai Lesen Perisian/Pengguna Akhir BlackBerry atau Perjanjian Lesen Perisian Pelayan Perusahaan BlackBerry dalam perjanjian atau dokumentasi lain yang Anda buat dengan RIM bagi Penyelesaian BlackBerry Anda, hendaklah disifatkan sebagai rujukan mengenai Perjanjian Lesen Penyelesaian BlackBerry ini (kecuali setakat rujukan tersebut tidak membawa makna dalam konteks itu, contohnya, apabila, dalam peruntukan ini, suatu perbezaan dimaksudkan untuk dibuat antara perjanjian yang ada sebelumnya dengan Perjanjian Lesen Perisian BlackBerry, rujukan mengenai perjanjian yang ada sebelum ini tidak akan disifatkan sebagai rujukan kepada Perjanjian Lesen Perisian BlackBerry).

Apa-apa pindaan atau tambahan kepada Lesen Pengguna Akhir/Perisian BlackBerry atau Perjanjian Lesen Perisian Perusahaan BlackBerry atau Perjanjian Lesen Perisian BlackBerry yang ada sebelum ini, yang di bawahnya RIM membekalkan mana-mana perisian kepada Anda, hendaklah disifatkan sebagai pindaan atau tambahan kepada Perjanjian Lesen Penyelesaian BlackBerry ini.

JIKA ANDA MEMPUNYAI APA-APA PERTANYAAN ATAU KERAGUAN TENTANG TERMA PERJANJIAN INI, SILA HUBUNGI RIM MELALUI legalinfo@rim.com.